

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC





اُنْبِقْ رَسِيْقِي تَتِيكُوْ لُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (MELAKA)

JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

MOHD RASDI BIN ZAINI

KETUA UNIT KUALITI :

NORAZNIRA BINTI ABD RAZAK

PENYELARAS :

SITI NURSYAHIRA BINTI ZAINUDIN

PENULIS :

1. SITI NURSYAHIRA BINTI ZAINUDIN
2. NORAZNIRA BINTI ABD RAZAK
3. NUR MELISSA BINTI MOHAMMAD FAISAL WEE
4. HAJAR IZZATI BINTI MOHD GHAZALLI
5. AIDA NUR BINTI MOHD KODRI
6. AKMAL BIN ADANAN
7. SITI NURSHAHIDAH BINTI SAH ALLAM

8. SITI NUR IZYANDIYANA BINTI AB HADI
9. ZULIANI BINTI MOHD AZNI
10. MOHD SUFIEAN BIN HASSAN
11. FATIMAH YAZMIN BINTI HAJI YAHAYA
12. MUHAMMAD FAIRUZ BIN JAMIL
13. NURUL AZLINDA BINTI CHEK TALIB
14. WAN HASMAT BINTI WAN HASAN
15. MASTURA BINTI RONI
16. HAMIDAH BINTI MUHD IRPAN
17. SITI NORMAH BINTI AWANG TUAH
18. NOORAZILAH BINTI IBRAHIM
19. MOHD ZAKI BIN SADIK
20. SITI FAIRUS BINTI FUZI
21. BUSHRA BINTI ABDUL HALIM
22. NURUL EMYZA BINTI ZAHIDI
23. NOR'ASYIQIN BINTI ABU
24. NUR HIDAYATULSHIMA BINTI OMAR
25. WAN EFFA BINTI JAAPAR
26. SITI RAMIZAH BINTI JAMA
27. FATIMAH BINTI HASHIM
28. AINON SYAZANA BINTI AB HAMID
29. IZNI SYAMSINA BINTI SAARI
30. SHAHITUL BADARIAH BTE SULAIMAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) atau Pengurusan Kanan UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) sentiasa memacu UiTMCM ke arah kecemerlangan pengurusan kampus yang lebih sistematik selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), Pelan Strategik UiTM 2025 dan Aspirasi Kerajaan Negeri Melaka. Berpaksikan keutuhan nilai UiTMCM iaitu **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam Memacu Kebolehpasaran Global: Jaringan Industri & Keusahawanan (JI&K)** UiTMCM sentiasa prihatin dalam merangka dan menyokong segala inisiatif untuk memperkasakan program bidang tumpuan JI&K. Aspirasi Rektor bersama Pengurusan Kanan ini direalisasikan secara berterusan agar segenap warga UiTMCM dan kumpulan sasar lain seperti staf, pelajar industri, komuniti dan alumni turut memperoleh manfaatnya sekaligus menyahut aspirasi UiTM untuk menjadi Universiti terkemuka dunia.

Perancangan

Berteraskan aspirasi Nasional MADANI, dan nilai kolektif UiTM iaitu ESI (Excellence, Synergy, Integrity) dan nilai individu UiTM iaitu i-DART (Ilmu, Disiplin, Amanah Rajin & Tanggungjawab), Pengurusan Kanan mampu merangka perancangan yang teliti dalam memastikan keberhasilan projek bidang tumpuan JI&K yang terbaik. Bagi mempertingkatkan lagi produktiviti kampus, Pengurusan Kanan melalui Unit Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) UiTMCM telah memastikan pemantapan organisasi dan penggunaan sumber yang optimum mampu melonjakkan UiTMCM ke arah pencapaian objektif strategik (OS) yang telah disasarkan. Maka tumpuan diberikan sepenuhnya kepada Program Keusahawanan Lestari dan Program InFac bagi pelaksanaan projek bidang tumpuan JI&K.

Pelaksanaan

Dalam usaha memastikan keberhasilan projek JI&K, Pengurusan Kanan mengaplikasi sepenuhnya kaedah pelaksanaan yang efektif bermula dengan penurunan PI kepada pihak yang dipertanggungjawabkan. Seterusnya, melalui beberapa platform seperti Perhimpunan Bulanan, Amanat Rektor, mesyuarat dan perbincangan dan lain-lain menjadi medium saluran maklumat perancangan dan pelaksanaan projek JI&K. Oleh itu, penglibatan semua pihak mampu diperolehi dengan mudah seterusnya menjayakan ke arah pencapaian OS yang telah ditetapkan. Gandingan ini disokong dengan terhasilnya Pelan Tindakan Strategik UiTMCM yang menjurus kepada strategi pengagihan PI UiTMCM 2023 dan Pelan RESOLUSI UiTMCM 2023.

Pemantauan

Pengurusan Kanan mengambil berat soal pemantauan terhadap pencapaian PI projek JI&K agar pelaksanaannya berjalan lancar. Oleh itu, pelaporan kemajuan projek dibincangkan untuk proses pemantauan bagi mengenalpasti risiko dan merancang strategi pencegahan. Risiko telah di kaji semula bagi menjamin keberhasilan inisiatif JI&K terdahulu dan sedia ada untuk di tambah baik. Pengumpulan data seperti Kaji Selidik Kepuasan Pelanggan, UiTM Happiness Index adalah dengan berpandukan dasar polisi seperti Dasar Pengurusan Risiko UiTM juga Dasar Tadbir Urus UiTM. Maka, gandingan lantikan pentadbir akademik telah menyokong kemenjadian pelan tindakan seterusnya membantu pengurusan risiko seperti risiko strategik, kewangan dan operasi berjalan lancar.

Tindakan Penambahbaikan

Melalui platform utama mesyuarat-mesyuarat seperti Mesyuarat Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Pengurusan Akademik (MPHEA) Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen Dan Peniaanan Pendapatan Negeri (JKEPPN). Pengurusan kanan melakukan penambahbaikan

melalui analisis input daripada kaji selidik serta minit-minut mesyuarat seperti Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Negeri dan Minit Mesyuarat Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri mahupun maklumbalas oleh pemegang taruh yang terlibat dalam pelaksanaan projek JI&K. Hasilnya, beberapa laporan analisis yang mengumpulkan cadangan dan komen penambahbaikan dapat disediakan seperti contoh Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan UiTMCM 2023 dan Laporan Pengurusan Risiko UiTMCM 2023 yang turut akan dijadikan rujukan pada masa akan datang.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Sasaran kaedah pendekatan yang komprehensif dan perancangan yang sistematik Pengurusan Kanan UiTMCM ke arah mencapai objektif bidang tumpuan JI&K diterjemahkan melalui elemen inovasi dan integrasi serta perkongsian pengetahuan kepada semua warga UiTMCM, pemegang taruh dan kumpulan sasaran. Justeru, pembudayaan konsep kebersamaan dilaksanakan secara harmoni dalam mendukung nilai Sinergibersama dan Sinergitrust dalam Memacu Kebolehpasaran Global: Jaringan Industri & Keusahawanan (JI&K). Demi menggerakkan pencapaian objektif dan inisiatif strategik berkualiti JI&K, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 (PPPM 2015-2025) menjadi teras rujukan dan pendekatan utama Pengurusan Kanan dalam menyokong dasar kerajaan tersebut. Falsafah Pendidikan Negara ini menjadi asas kepada pendidikan seimbang dalam membangunkan aspirasi pelajar menerusi Lonjakan Pertama iaitu 'Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang' manakala lonjakan kelapan iaitu 'Keunggulan Global'. Melalui Aspirasi Pelajar pula, diaplikasikan melalui konsep 'Kemahiran Berfikir' iaitu menghayati pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif, dan berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan sejajar dengan projek-projek JI&K ([UiTMCM 1.2a Kepimpinan](#)).

Visi UiTM melalui Pemetaan Strategik UiTM2025 membawa hala tuju ke arah mencapai sasaran matlamat strategik UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025 ([UiTMCM 1.2b Kepimpinan](#)). Oleh itu, setiap inisiatif JI&K UiTMCM adalah berpaksikan dua (2) Teras Strategik (TS) iaitu TS 1: Kecemerlangan Akademik dan TS2: Kecemerlangan Global yang turut mensasarkan Objektif Strategik (OS) seperti;

OS 4: Menghasilkan graduan seimbang dengan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global,

OS 8: Memperkasa jaringan strategik bersama alumni dan industri

Pendekatan Pengurusan Kanan bagi mencapai OS tersebut adalah menerusi pelaksanaan Projek Jaringan Keusahawanan iaitu Program Keusahawanan Lestari dan Projek Jaringan Industri iaitu Program InFac. Bagi projek keusahawanan bertujuan membentuk sosioekonomi komuniti setempat dan antarabangsa, membantu penjana pendapatan UiTMCM dan mempertingkatkan keusahawanan sosial. Manakala bagi Program InFac adalah memfokuskan kepada projek jaringan industri antarabangsa dalam meningkatkan ketampakan UiTMCM serta projek dalam negara bagi memperkukuhkan pembangunan universiti mahupun negara. Antara projek UiTMCM yang bersifat antarabangsa adalah Projek Keusahawanan Sosial: Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA) bersama Islamic Relief Malaysia (IRM) 2023, Projek Knowledge Transfer Program (KTP) 3 Rakan MoU Indonesia, Projek South East Asia International Conference (SEAIPEC) 2023 dan Projek Startup Malaysia 2023. Manakala di peringkat dalam negara adalah seperti Projek Ittihad Trading bersama Perunding UiTMCM, Geran Penyelidikan bersama Industri: Good Virtues Co. Malaysia, Program Lendu Berselawat bersama Kerajaan Negeri Melaka 2023, Projek Inkubator KelulutPreneur UiTMCM, Industry on Campus Symposium (PICASO) 2.0 dan lain-lain lagi.

Inisiatif JI&K tersebut adalah selari dengan hasrat dan aspirasi utama Ketua Menteri Melaka melalui saranan mencapai Melaka Key Result Area- MKRA 1, iaitu 'Revolusi Industri dan Ekonomi' dan Flagship ke-2 iaitu Melaka Negeri Pelaburan (Pembangunan Usahawan, Industri dan Perusahaan Kecil dan Sederhana) ([UiTMCM 1.2c Kepimpinan](#)). Antara sumber pendekatan yang diambil adalah menerusi Amanat Rektor 2023 yang mensasarkan pelaksanaan program JI&K serta Amanat Naib Canselor 2023 yang menekankan hubungan strategik bersama industri dan komuniti ([UiTMCM 1.2d Kepimpinan](#)).

Rangkuman pendekatan tersebut telah membantu Pengurusan Kanan UiTMCM dalam menghasilkan Pelan Tindakan Strategik UiTMCM yang menjurus kepada strategi pengagihan PI UiTMCM 2023 dan Pelan RESOLUSI UiTMCM 2023 yang menerangkan pelaksanaan pengagihan PI yang lebih terperinci mengikut fungsi fakulti, unit atau bahagian

[\(UiTMCM_1.2e Kepimpinan\).](#)

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_K01_KB02_20241_UiTMCM_1.2a_Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB02_20242_UiTMCM_1.2b_Kepimpinan.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB02_20243_UiTMCM_1.2c_Kepimpinan.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB02_20244_UiTMCM_1.2d_Kepimpinan.pdf](#)
5. [K0062_K01_KB02_20245_UiTMCM_1.2e_Kepimpinan edited.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan kanan amat fokus dalam mempergiatkan usaha ke arah pencapaian OS dan keberhasilan projek JI&K dengan menggunakan pendekatan yang telah dirangka bagi mencapai pelbagai kejayaan dan penghargaan serta memperoleh pengiktirafan dari pihak luar. Maka, kaedah perluasan dan pelaksanaan yang efektif keseluruh UiTMCM telah dilaksanakan agar penyampaian maklumat berkenaan usaha untuk mencapai kejayaan tersebut menerusi projek JI&K diketahui oleh warga UiTMCM.

Kaedah perluasan utama adalah peringkat dalaman UiTMCM iaitu penetapan PI menerusi Pelan Tindakan Strategik UiTMCM yang telah dimandatkan kepada pemegang PI bagi menggalakkan keterlibatan warga UiTMCM. Proses perancangan strategik UiTMCM ini telah disebarluaskan melalui beberapa bengkel strategik yang telah berlangsung pada tahun 2023 ([UiTMCM_1.3a_Kepimpinan](#)). Berikut merupakan senarai PI UiTMCM untuk JI&K ;

PI019

Number of alumni successfully became Entrepreneurs

PI021

Number of IPT student entrepreneurs conducting business on campus during their study period.

PI022

Number of companies, enterprises or business projects funded by start-up investors, venture investors, public funding entities, government agency grants and entrepreneurship-related pitching competition prizes.

PI023

Number of collaboration with agencies, industry, NGOs, IPT (local and international).

PI024

Number of educators with entrepreneurial expertise.

PI025

Number of digitally driven innovation and technology -based student start-up companies.

PI026

The number of students involved in IPT's Innovation and Technologybased programmes

PI073

Number of new MoA with local partner

PI074

Number of activities under MoA/MoU with international Industries

PI076

Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP)

PI077

Total amount received (from external) for USR and KTP Programmes

PI078

Total amount spent (from own funds) for USK and KIP Programmes

PI079

Number of communities receiving /benefiting from the knowledge/technology diffusion Projects

PI080

Number of alumni expert service programme

PI128

Income generation from Kumpulan Wang Pengurusan.

PI129

Income generation from Kumpulan Wang Amanah.

Di samping itu, Pengurusan Kanan juga menggunakan platform seperti mesyuarat-mesyuarat pengurusan, Perhimpunan Bulanan UiTMCM, Amanat Rektor, Majlis Anugerah Dekan, Minggu Destini Siswa, dan lain-lain untuk menyebarkan maklumat JI&K kepada warga UiTMCM seterusnya turut menerima kunjung hormat pihak Pengurusan Tertinggi UiTM ([UiTMCM_1.3b_Kepimpinan](#)).

Pengurusan Kanan turut melibatkan diri secara aktif bersama pihak kerajaan Negeri Melaka, agensi luar dan institusi Negeri Melaka seperti memenuhi undangan, menghadiri majlis, perhimpunan atau mesyuarat rasmi, dan membuat lawatan kerja. Hal ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan hubungan baik antara kedua pihak seterusnya mempertingkatkan lagi penglibatan projek bidang tumpuan JI&K ([UiTMCM_1.3c_Kepimpinan](#)).

Penglibatan aktif warga UiTMCM dalam memberi sumbangan khidmat kepakaran bidang dan pentabiran, perundingan serta penjurian di peringkat luar seperti contoh lantikan Rektor dan pensyarah UiTMCM daripada pihak luar seperti daripada agensi Negeri Melaka, pihak industri dan universiti antarabangsa membuktikan profesionalisme Pengurusan Kanan dan warga UiTMCM dalam JI&K diakui malah menjadikan UiTMCM antara organisasi yang dirujuk oleh pelbagai pihak ([UiTMCM_1.3d_Kepimpinan](#)).

Seterusnya, segala bentuk inisiatif dalam dan luar negara tersebut turut disebarluaskan lagi menerusi peranan media sosial rasmi UiTMCM antaranya seperti program mobiliti, konvensyen, perkongsian ilmu dan Majlis MoU melibatkan beberapa negara luar termasuklah sumbangan penulisan akhbar oleh warga UiTMCM serta siaran liputan televisyen menjadi mekanisme terbaik dalam menyerlahkan lagi ketampakan UiTMCM sekaligus mengangkat kredibiliti serta imej kampus di peringkat global ([UiTMCM_1.3e_Kepimpinan](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB03_20241_UiTMCM_1.3a_Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB03_20242_UiTMCM_1.3b_Kepimpinan.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB03_20243_UiTMCM_1.3c_Kepimpinan.pdf](#)
4. [K0062_K01_KB03_20244_UiTMCM_1.3d_Kepimpinan.pdf](#)
5. [K0062_K01_KB03_20245_UiTMCM_1.3e_Kepimpinan.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan mengambil berat setiap maklum balas daripada pemegang taruh UiTMCM yang dijadikan sumber kepada proses pemantauan bertujuan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan gerak kerja projek mahupun program UiTMCM sentiasa berjalan lancar. Khusus untuk projek bidang tumpuan JI&K, pemantauan amat dititik beratkan kerana ia menjadi asas kepada terhadap kualiti kemajuan dan pembangunan projek bidang tumpuan. Kaedah utama yang digunakan adalah melalui kaji selidik yang dijalankan di setiap bahagian, unit, mahupun melalui penganjuran program yang diisi oleh staf, pelajar, para peserta program juga pihak lain yang terlibat secara langsung dan tidak langsung. Setiap satunya akan dianalisa oleh pihak yang dipertanggungjawabkan seterusnya dimajukan pelaporan kepada Pengurusan Kanan untuk tindakan selanjutnya.

Beberapa praktis kaji selidik dan pengumpulan data telah dibudayakan di UiTMCM antaranya seperti Kajian UiTM Happiness Index, dan kaji selidik kepuasan pelanggan UiTMCM, Pengumpulan Data Pelaporan PI, Sistem Maklumat Analisa Repositori (SMART), Sistem MyENT telah digunakan untuk penambahbaikan perkhidmatan, dan penganjuran program-program JI&K ([UiTMCM_1.4.1a_Kepimpinan](#)). Segala pengumpulan data kaji selidik ini akan dijadikan rujukan untuk menghasilkan input yang digunakan dalam perbincangan, mesyuarat atau pembentangan gerak kerja dan kemajuan projek bidang tumpuan khususnya.

Selaras dengan usaha ini, Pengurusan Kanan sentiasa memastikan agar proses ini berjalan dengan mengikut ketetapan beberapa garis panduan UiTM dan UiTMCM agar pelan pemantauan terhadap sistem operasi dan pelaksanaan bidang tumpuan JI&K dapat dilaksanakan dengan sebaiknya. Antaranya dasar tersebut adalah Piagam Pelanggan PJI UiTMCM, Garis Panduan dan Polisi Jaringan Industri UiTM, Dasar Pengurusan Risiko UiTM dan Dasar Tadbir Urus UiTM ([UiTMCM_1.4.1b_Kepimpinan](#)).

Bagi menyokong usaha ini, lantikan pentadbir akademik UiTMCM bagi Unit Pengurusan Risiko telah dibuat oleh Pengurusan Kanan bertujuan untuk pemantauan kepada risiko-risiko sepanjang pelaksanaan projek/program khususnya berkaitan bidang tumpuan JI&K. Selain itu lantikan koordinator dan penyelaras setiap pemegang PI seperti Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJI), unit ICAN dan Mased. Pelantikan ini adalah juga untuk membantu mengurus dan menyalurkan hasil dapatan serta pelaporan berkala kepada Pengurusan Kanan untuk tindakan pemantauan dibuat dari masa ke masa ([UiTMCM_1.4.1c_Kepimpinan](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_K01_KB04_KC01_20241_UiTMCM_1.4.1a_Kepimpinan edited.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB04_KC01_20242_UiTMCM_1.4.1b_Kepimpinan edited.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB04_KC01_20243_UiTMCM_1.4.1c_Kepimpinan.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi memastikan segala perancangan dan pelaksanaan JI&K berjalan lancar di bawah proses pemantauan yang efektif, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa menitikberatkan tindakan mengenal pasti risiko dalam pelaksanaan projek bidang tumpuan. Berpandukan Dasar Pengurusan Risiko UiTM, langkah-langkah mengenalpasti risiko tertentu terhadap setiap satu projek bidang tumpuan telah diambil menggunakan teknik serta strategi analisis mengikut klasifikasi risiko telah dibuat bersama PSTU ([UiTMCM_1.4.2a_Kepimpinan](#)).

Beberapa jenis pelaporan risiko melalui pembentangan kemajuan dan pencapaian projek/program bidang tumpuan adalah dimajukan oleh koordinator, penyelaras mahupun pengarah projek/program tersebut. Hal ini adalah bertepatan dengan hasrat Pengurusan Kanan untuk membuat penelitian dengan segera bagi mengenalpasti risiko seterusnya melaksanakan tindakan pencegahan yang efektif dari masa ke masa. Seterusnya, melalui dapatan beberapa pelaporan data khususnya berkaitan risiko akan dijadikan sumber rujukan bagi proses perbincangan yang lebih strategik ke arah tindakan selanjutnya. Antara sumber data tersebut adalah daripada data Pelaporan Risiko UiTMCM (setengah tahun) 2023, data Ringkasan Daftar Risiko Pusat Tanggungjawab Jawab (PTJ) UiTMCM, data Kajian kepuasan Hati Pelanggan UiTMCM dalam pembentangan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), data analisa pencapaian PI 2022 dan sasaran KPI 2023 melalui pembentangan Mesyuarat Perancangan Strategik BPJI, UiTMCM ([UiTMCM_1.4.2b_Kepimpinan](#)). Kaedah memperoleh data yang sistematik membolehkan Pengurusan Kanan dan pihak yang dipertanggungjawabkan memproses segala data untuk dianalisis dan dirumuskan bagi mendapatkan tindakan susulan dengan kadar segera.

Selain itu, BPJI UiTMCM yang diketuai oleh Timbalan Rektor PJI turun padang melalui program Jelajah Maya PJI 2023 yang dijalankan secara dalam talian. Program ini telah dilaksanakan secara khusus bagi memastikan warga UiTMCM khususnya pemegang PI dan ahli jawatankuasa program JI&K mempunyai platform yang sesuai untuk mendapatkan informasi, mengutarakan persoalan mahupun membuat pelaporan awal berkenaan dengan kemajuan projek yang sedang dilaksanakan. Penerangan taklimat berkenaan fungsi setiap unit BPJI serta medium yang disediakan turut dibuat agar mereka lebih bersedia dan membantu pelaksanaan projek agar berjalan lebih lancar. Koordinator serta Penyelaras ICAN dan MASMED juga staf PJI memberi jawapan kepada persoalan khususnya membantu kesulitan yang berlaku dalam projek JI&K serta mengambil maklum tentang keperluan projek untuk dibantu. Hal ini secara tidak langsung membolehkan risiko seperti risiko strategik, reputasi, kewangan mahupun proses dapat dikenalpasti dengan lebih awal untuk tindakan selanjutnya ([UiTMCM_1.4.2c_Kepimpinan](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB04_KC02_20241_UiTMCM_1.4.2a_Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB04_KC02_20242_UiTMCM_1.4.2b_Kepimpinan.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB04_KC02_20243_UiTMCM_1.4.2c_Kepimpinan.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCM sentiasa menekankan pencegahan dan penambahbaikan bagi meningkatkan kecekapan dalam semua aspek pengurusan bagi memastikan kecemerlangan dalam penyampaian operasi dan perkhidmatan serta pelaksanaan projek khususnya JI&K. Oleh itu, Pengurusan Kanan sentiasa memberi penekanan kepada proses pemantauan, kenal pasti risiko seterusnya adalah proses mengkaji semula dan membuat tindakan penambahbaikan. Setiap maklumat yang diterima melalui kepuasan pelanggan dan maklumbalas, pencapaian objektif kualiti, keputusan pemantauan dan pengukuran projek bidang tumpuan sentiasa diperhalusi oleh Pengurusan Kanan. Justeru, pihak-pihak terlibat dalam projek JI&K menerima panggilan hadir ke mesyuarat bagi membentangkan laporan gerak kerja, permasalahan serta kemajuan projek JI&K masing-masing untuk diperbincangkan bagi merangka strategi penambahbaikan bagi meminimalkan risiko. Antara mesyuarat tersebut adalah Mesyuarat Eksekutif Negeri (JKEN), Mesyuarat Pengurusan Akademik (MPHEA) Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen Dan Penjanaan Pendapatan Negeri (JKEPPN) ([UiTMCM_1.4.3a_Kepimpinan](#)). Penggunaan platform ini membolehkan Pengurusan Kanan untuk memastikan bahawa projek JI&K dilaksanakan mengikut garis panduan serta dasar yang telah ditetapkan UiTM amnya dan UiTMCM secara khususnya juga mengikuti ketetapan garis masa masing-masing.

Selaras dengan tujuan penambahbaikan terhadap gangguan risiko-risiko yang telah dikenalpasti, Pengurusan Kanan UiTMCM turut meneliti beberapa sumber seperti Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko Negeri, Jawatankuasa Endowmen & Penjanaan Pendapatan Negeri Bil 1/2023, Minit Mesyuarat Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri Bil 1/2023 dan lain-lain. ([UiTMCM_1.4.3b_Kepimpinan](#)). Pembentangan ahli mesyuarat telah menghasilkan dapatan yang menjadi rujukan untuk secara berkala sepanjang proses pelaksanaan projek JI&K dijalankan yang membolehkan kaji semula risiko dibuat serta penetapan tindakan penambahbaikan sentiasa dikemaskini.

Oleh itu, tindakan pencegahan segera diambil oleh Pengurusan Kanan UiTMCM melalui siri pembentangan dan perbincangan projek JI&K dari masa ke masa telah dilaksanakan dengan konsisten dan efektif. Melalui dapatan yang diperolehi, maka terhasilnya beberapa laporan beserta tindakan penambahbaikan mahupun pencegahan seperti Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan UiTMCM 2023 dan Laporan Pengurusan Risiko UiTMCM 2023 ([UiTMCM_1.4.3c_Kepimpinan](#)). Menerusi laporan ini, segala maklumat pengurusan risiko beserta cadangan dan komen penambahbaikan direkodkan untuk rujukan akan datang. Justeru, Pengurusan Kanan sentiasa memastikan proses pemantauan, mengenal pasti risiko, serta mengkaji semula risiko dan melaksanakan tindakan penambahbaikan akan berhasil apabila kesemua proses ini telah dapat meminimumkan impak risiko kepada staf dan pelanggan, mengoptimal operasi, serta memaksimumkan produktiviti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB04_KC03_20241_UiTMCM_1.4.3a_Kepimpinan edited .pdf](#)
2. [K0062_K01_KB04_KC03_20242_UiTMCM_1.4.3b_Kepimpinan edited.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB04_KC03_20243_UiTMCM_1.4.3c_Kepimpinan.pdf](#)
- 4.
- 5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sokongan penuh Pengurusan Kanan terhadap proses integrasi hasil kejayaan ketiga-tiga kampus UiTMCM sentiasa menjadi keutamaan dalam menggerakkan sumber manusia untuk sentiasa berusaha demi mencapai senarai sasaran OS projek JI&K. Integrasi penglibatan staf ketiga-tiga kampus diyakini dalam melaksanakan penambahbaikan kepada sistem operasi dan perkhidmatan dengan kepelbagaian kepakaran staf khususnya dalam menyampaikan perkhidmatan dan melaksanakan projek JI&K. Buktinya, UiTMCM telah berjaya meningkatkan prestasi dan menaikkan nama UiTM di peringkat global apabila menerima beberapa apresiasi daripada pihak luar antaranya staf pentadbiran UiTMCM menerima kurniaan pingat dari Kerajaan Negeri Melaka, staf UiTMCM dilantik sebagai Adjunct Professor serta pentauliahn pelajar sebagai Duta Perpaduan Negeri Melaka seterusnya mengiktiraf kemampuan dan kewibawaan warga UiTMCM ([UiTMCM_1.5a_Kepimpinan](#)).

Selain itu, UiTMCM turut melakar kejayaan apabila memperoleh pelbagai anugerah antaranya Anugerah MeTIC 13 dan Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023). Tidak ketinggalan dalam usaha penggalak kepada warga UiTMCM, Pengurusan Kanan turut menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan kepada warga UiTMCM atas usaha dan kecemerlangan yang dikecapi di peringkat cawangan dengan penyampaian Anugerah Bestari kategori projek dan individu yang melibatkan projek bidang tumpuan menerusi Majlis Hari Inovasi 2023 UiTMCM. Siri kejayaan ini juga telah membentuk kepercayaan terhadap kualiti UiTMCM apabila barisan penyelidik UiTMCM telah menerima geran projek JI&K iaitu Kelulut Farming as Community Engagement daripada Yayasan Telekom Malaysia yang bernilai RM241,000.00 dan geran Penyelidikan Industri daripada Good Virtue Co. bernilai RM8,000 ([UiTMCM_1.5b_Kepimpinan](#)).

Setiap pengiktirafan, kemenangan dan kejayaan yang diperoleh UiTMCM telah membuktikan bahawa Pengurusan Kanan menitikberatkan peluang membentuk integrasi melalui kerjasama strategik daripada pelbagai agensi. Justeru, UiTMCM menerima beberapa lawatan penanda aras daripada Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) UiTM Shah Alam, juga di peringkat antarabangsa iaitu daripada Universitas Tadulako Sulawesi Tengah, Indonesia dan daripada Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Indonesia seterusnya lawatan tapak daripada Yayasan Telekom Malaysia ([UiTMCM_1.5c_Kepimpinan](#)). Hal ini telah membuktikan bahawa pendekatan, penyebaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh UiTMCM mendapat pengiktirafan dan menjadi contoh dan sumber rujukan kepada universiti, institusi mahupun industri. Menerusi lawatan sebegini Pengurusan Kanan memperkukuhkan jalinan intergrasi dengan semua pihak yang terlibat seterusnya akan membuka peluang lebih banyak lagi jalinan kerjasama ke arah pelaksanaan projek JI&K yang akan memberi manfaat secara kolektif kepada warga UiTMCM serta pemegang taruh.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_K01_KB05_20241_UiTMCM_1.5a_Kepimpinan.pdf](#)
2. [K0062_K01_KB05_20242_UiTMCM_1.5b_Kepimpinan edited.pdf](#)
3. [K0062_K01_KB05_20243_UiTMCM_1.5c_Kepimpinan edited.pdf](#)
- 4.
- 5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Nilai Sinergibersama dan Sinergitrust cetusan Pengurusan Kanan UiTMCM dibudayakan dan dihayati warga serta pelanggan UiTMCM agar PS UiTMCM mencapai matlamat strategik, iaitu Kebolehpasaran Global. Perancangan Strategik (PS) UiTMCM 2023 melibatkan seluruh pelanggan dan disebarluas melalui pelbagai platform bersemuka serta digital. Pelbagai risiko dikenalpasti dalam proses PS dan penambahbaikan menuntut Pengurusan Kanan UiTMCM lebih berinovasi dan fokus meningkatkan ketampakan global.

Perancangan

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memastikan perancangan projek bidang tumpuan, iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) selari dengan objektif dan inisiatif strategik yang menyokong aspirasi KPM, UiTM dan Kerajaan Negeri Melaka. PS UiTMCM 2023 yang berkaitan JI&K adalah daripada Teras Strategik; Kecemerlangan Akademik dan Kecemerlangan Global yang selari dengan Pelan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, 11 Fokus Menteri Pendidikan Tinggi, Pelan Strategik UiTM 2025 dan Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) 2023. Model JI&K mengandungi maklumat PS seperti Objektif, Tema dan Teras Strategik sebagai panduan mencapai Matlamat Strategik, iaitu Kebolehpasaran Global. Inisiatif strategik yang dirancang diselarakan dengan Objektif Strategik dan Petunjuk Prestasi serta didokumen dalam Pelan Tindakan Strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan. Pengurusan Kanan UiTMCM membentuk pasukan bagi melaksanakan projek inisiatif strategik bagi mencapai matlamat strategik.

Pelaksanaan

Dokumen Pelan Tindakan Penyebarluasan PS UiTMCM menjadi rujukan untuk tindakan penyebarluasan PS UiTMCM merangkumi seluruh warga UiTMCM dan Pelanggan. Kaedah bersemuka dan digital digunakan bagi memastikan matlamat PS UiTMCM difahami semua Pelanggan UiTMCM. Kaedah bersemuka seperti Amanat Rektor, bengkel PS, mesyuarat, program bersama alumni, Minggu Destini Siswa, Ucapan Perasmian Program peringkat nasional dan antarabangsa. Bagi platform digital pula PS UiTMCM disebarluas kepada pelanggan menggunakan laman sesawang, media sosial dan hebahan laporan berita. Pelan Tindakan Penyebarluasan PS UiTMCM turut dikongsikan kepada semua pelaksana projek inisiatif strategik agar PS UiTMCM mencapai matlamat.

Pemantauan

Panduan risiko UiTMCM dirujuk dalam buku Cakna Risiko Strategik oleh Unit Pengurusan Risiko, UiTM. Terdapat beberapa risiko yang dikenalpasti dalam mencapai JI&K, iaitu risiko strategik, operasi, projek, reputasi dan pengurusan kewangan. Risiko ini didaftarkan dalam Laporan Pengurusan Risiko UiTMCM 2023 dan dokumen ini menjadi rujukan Pengurusan Kanan UiTMCM bagi mencegah risiko yang menghalang proses pencapaian PS UiTMCM. Bagi memastikan pemantauan risiko lebih sistematik, fungsi Penyelaras Risiko bertindak menyediakan pelaporan berkala dan dibentangkan dalam mesyuarat dalaman UiTMCM. Setiap risiko yang dikenalpasti disusuli cadangan penambahbaikan. Cadangan ini dimajukan oleh Penyelaras Strategik Transformasi Unit (PSTU) kepada Pengurusan Kanan UiTMCM untuk tindakan selanjutnya. Setiap bulan Pengurusan Kanan UiTMCM melaksanakan mesyuarat/bengkel bagi memantau pencapaian PS UiTMCM.

Tindakan Penambahbaikan

Risiko maklumat PS UiTMCM yang tidak jelas mendorong Pengurusan Kanan UiTMCM membentuk dokumen Pelan Tindakan dan Resolusi PS UiTMCM 2023 secara digital. Inovasi PS UiTMCM dalam bentuk digital lebih mudah, murah dan efektif untuk penyebarluasan maklumat kepada semua pelanggan. Proses PS UiTMCM yang sistematik diintegrasikan

seningga ke peringkat antarabangsa apabila UiTMCM menerima lawatan penanda aras peringkat global dan nasional. UiTMCM turut menjadi rujukan fakulti/kampus setelah memenangi Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) tiga kali berturut-turut. Inovasi PS UiTMCM 2023 yang diilhamkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM membuahkan hasil apabila UiTMCM memenangi lebih daripada lima Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023 pelbagai kategori.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan sistematik PS UiTMCM adalah berlandaskan input utama daripada Menteri Pendidikan Tinggi, Naib Canselor, Ketua Menteri Melaka dan Rektor UiTMCM yang dizahirkan dalam Pelan Pendidikan Malaysia (PPMPT) (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, 11 Fokus Menteri Pendidikan Tinggi, Pelan Strategik UiTM 2025 dan Pelan Tindakan Strategik UiTM Cawangan Melaka (UiTMCM) 2023 ([UiTMCM 2.2a Perancangan Strategik](#)). PS UiTMCM juga menjadikan Pelan Strategik UiTM 2025 sebagai input PS bagi mencapai JI&K.

Bagi jaringan industri, PS UiTMCM selari dengan Teras Strategik 3 (TS3): Kompetensi Global menjurus kepada Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni bagi mencapai Indikator Prestasi Utama (KPI) KPI3: Peratus Kebolehpasaran Graduan. Ini selari dengan Objektif Strategik 8 (OS8); Memperkasa jaringan strategik bersama industri di bawah Program InFac. Pemetaan maklumat Input Strategik, KPI, TS, Program Inisiatif, OS dan Petunjuk Prestasi dalam Pelan Tindakan Strategik Jaringan Industri adalah dokumen rujukan Pelaksana Projek PS Jaringan Industri ([UiTMCM 2.2b Perancangan Strategik](#)).

Bagi jaringan keusahawanan, PS UiTMCM fokus mencapai KPI4: Peratus Usahawan Graduan di bawah TS1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Ini bagi melaksanakan OS4: Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global. Di bawah Program Keusahawanan Bestari, PS UiTMCM fokus mencapai PI berkaitan keusahawanan dan penjana pendapatan. Pemetaan maklumat PS Jaringan Industri dirujuk dalam Pelan Tindakan Strategik Jaringan Keusahawanan ([UiTMCM 2.2c Perancangan Strategik](#)). Bagi mencapai JI&K, Rektor UiTMCM mencetuskan idea bagi struktur pelaksana PS UiTMCM diketuai oleh Rektor (Pengarah Projek) dan JKEN (Pelaksana) dengan dibantu oleh Penyelaras Bahagian/Unit.

Projek JI&K digerakkan dalam kos yang minimum, namun berjaya mencapai sasaran banyak PI di peringkat antarabangsa dan nasional. Berikut adalah inisiatif strategik bagi mencapai JI&K:

Antarabangsa

1. Projek Knowledge Transfer Program (KTP) 3 Rakan MoU Indonesia
2. Projek South East Asia International Conference (SEAIPC) 2023
3. Projek Startup Malaysia 2023
4. Projek Keusahawanan Sosial: Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA) bersama Islamic Relief Malaysia (IRM) 2023
5. Projek International Cyber Security Security Certified Body (ICSCB)

Dalam Negara

1. Projek Ittihad Trading bersama Perunding UiTMCM
2. Geran Penyelidikan bersama Industri: Good Virtues Co. Malaysia
3. Projek Lendu Berselawat bersama Kerajaan Negeri Melaka 2023
4. Projek Inkubator KelulutPreneur UiTMCM
5. Projek Siswapreneur D'Bukit
6. Projek Nenas MD2 bersama Hotel La Crista 2023
7. Industry on Campus Symposium (PICASO) 2.0
8. Projek Keusahawanan Sosial bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna: Jom Bantu Asnaf 3.0

PS UiTMCM dihipunkan dalam satu dokumen, iaitu Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023. Pendekatan digital dan **inovasi idea Rektor UiTMCM** menjadikan PS UiTMCM lebih mudah **dikongsikan kepada semua warga dan Pelanggan UiTMCM** ([UiTMCM 2.2d Perancangan Strategik](#)). Di samping itu, bagi memudahkan semua warga dan pelanggan UiTMCM memahami, menghayati dan membudayakan PS UiTMCM, Pengurusan Kanan UiTMCM menterjemahkannya dalam versi model yang mengandungi maklumat utama PS UiTMCM

[UiTMCM 2.2 Perancangan Strategik](#): Secara keseluruhan, Perancangan Rancangan UiTMCM menggunakan pendekatan yang strategik, perancangan yang sistematik dengan mengambil kira kaedah inovasi untuk perkongsian maklumat PS UiTMCM.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_P01_PB02_20241_UiTMCM_2.2a_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB02_20242_UiTMCM_2.2b_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB02_20243_UiTMCM_2.2c_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB02_20244_UiTMCM_2.2d_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB02_20245_UiTMCM_2.2e_Perancangan Strategik edited.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan PS UiTMCM bukan sahaja di peringkat UiTM, malah turut disebarluas ke peringkat antarabangsa, nasional dan negeri Melaka Pengurusan Kanan UiTMCM komited memastikan PS UiTMCM diketahui oleh seluruh pelanggan UiTMCM terutama industri, maka Pelan Tindakan Penyebarluasan dibentuk sebagai dokumen rujukan ([UiTMCM 2.3a Perancangan Strategik](#)). Pelan ini mengandungi platform penyebarluasan PS UiTMCM yang merangkumi kaedah bersemuka dan digital merentasi peringkat antarabangsa.

Penyebarluasan PS UiTMCM di peringkat antarabangsa melalui ucapan perasmian oleh Rektor UiTMCM dalam persidangan antarabangsa, aktiviti inbound dan aktiviti MoU/MoA telah meningkatkan jaringan industri antarabangsa. Ketampakan UiTMCM dalam aktiviti pengantarabangsaan turut mendapat liputan media antarabangsa apabila aktiviti inbound pelajar bersama industri media di Indonesia dilaporkan dalam media Serambinews (<https://aceh.tribunnews.com/2023/04/14/video-lawatan-ke-aceh-mahasiswa-uitm-melaka-malaysia-kunjungi-serambi-indonesia>)

Dalam era digital, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa inovatif dalam perluasan maklumat PS apabila memuatnaik buletin Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 dalam laman sesawang rasmi kampus. Laman sesawang adalah platform rasmi digunakan oleh pelanggan terutama industri untuk mendapatkan maklumat hala tuju dan matlamat strategik UiTMCM 2023 ([UiTMCM 2.3b Perancangan Strategik](#)).

Penyebarluasan PS UiTMCM di peringkat nasional melalui penganjuran program sehingga mendapat pengiktirafan Malaya Book of Record. Penganjuran program Lendu Berselawat secara hybrid telah mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Record dan mendapat liputan media arus perdana yang meluas kerana melibatkan Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, Pejabat Ketua Menteri Melaka serta disertai lebih 10,000 peserta merentasi kampus negeri UiTM. Selain itu, kolaborasi bersama industri media membuka platform kepada Pengurusan Kanan UiTMCM untuk sebarluas matlamat strategik dan hala tuju UiTMCM 2023 kepada rakyat Malaysia secara umum dan hal ini terbukti apabila Penolong Rektor dijemput oleh RTM dalam sesi Dialog ([UiTMCM 2.3c Perancangan Strategik](#)).

Hubungan strategik Pengurusan Kanan UiTMCM bersama Kerajaan Negeri Melaka merupakan laluan pantas akses UiTM ke peringkat negeri Melaka. Hubungan baik bersama Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka dan Pejabat Ketua Menteri Melaka dimanfaatkan oleh Rektor UiTMCM untuk sebarluas aktiviti JI&K UiTMCM untuk kolaborasi bersama industri di negeri Melaka dan aktiviti keusahawanan bersama komuniti. Penglibatan ADUN di negeri Melaka dalam aktiviti keusahawanan menjadi platform untuk aktiviti penyebarluasan PS UiTMCM ([UiTMCM 2.3d Perancangan Strategik](#)).

Nilai Sinergibersama dan Sinergitrust cetusan Rektor UiTMCM dihayati dan dibudayakan melalui platform bersemuka dan digital agar matlamat strategik UiTMCM 2023 dipacu bersama semua warga UiTMCM. Perluasan di peringkat kampus kepada kumpulan sasaran, iaitu Pengurusan Kanan UiTMCM, staf dan pelajar. Bagi Pengurusan Kanan UiTMCM, hala tuju 2023 disebarluas melalui mesyuarat dalaman yang berkala. Majlis Perhimpunan Bulanan, Mesyuarat Akademik, Amanat Rektor 2023 dan Program Sambutan Raya 2023 adalah platform yang dijadualkan untuk aktiviti sebarluas di peringkat nasional. Manakala, di peringkat pelajar maklumat matlamat strategik UiTMCM 2023 disebarluas melalui ucapan perasmian oleh Rektor UiTMCM dalam penganjuran aktiviti pelajar terutama berimpak tinggi yang melibatkan skala penyertaan pelajar yang besar ([UiTMCM 2.3e Perancangan Strategik](#)). Justeru itu, Rektor UiTMCM secara sistematik dan fokus dalam mempromosikan aktiviti penyebarluasan maklumat PS dan hala tuju UiTMCM 2023 berjaya di semua peringkat sama ada antarabangsa, nasional, negeri dan warga UiTMCM. Keberkesanan aktiviti sebarluas ini dibuktikan dengan pencapaian PI JI&K, anugerah yang digondol UiTMCM 2023 dan lawatan penanda aras daripada industri antarabangsa, nasional dan negeri.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB03_20241_UiTMCM_2.3a_Perancangan_Strategik_edited.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB03_20242_UiTMCM_2.3b_Perancangan_Strategik_edited.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB03_20243_UiTMCM_2.3c_Perancangan_Strategik_edited.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB03_20244_UiTMCM_2.3d_Perancangan_Strategik_edited.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB03_20245_UiTMCM_2.3e_Perancangan_Strategik_edited.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Setelah inisiatif strategik JI&K diturunkan kepada Pelaksana, Rektor (Pengarah Projek) membuat pemantauan setiap bulan untuk mengenalpasti risiko. Pendekatan pengurusan risiko berdasarkan Buku Cakna Risiko: Strategik oleh Unit Risiko, UiTM ([UiTMCM_2.4.1a_Perancangan Strategik](#)). Sebanyak 2OS, 2TS, 16PI dengan 13 projek inisiatif dilaksanakan tahun 2023 dan Pelaksana tele mengenalpasti risiko berdasarkan garis panduan Buku Cakna Risiko dan maklumbalas pelanggar Senarai risiko di PS UiTMCM dimasukkan ke dalam Laporan Pengurusan Risiko UiTMCM yang d oleh Penyelaras Unit Risiko di bawah Pejabat Rektor. Pengurusan Kanan UiTMCM mengenalpas risiko PS UiTMCM melalui pelaporan pencapaian PI dan data pemantauan yang diperolehi dari Pelanggan seperti tertera dalam Manual Kualiti ([UiTMCM_2.4.1b_Perancangan Strategik](#)).

Pengurusan Kanan UiTMCM telah membentuk Model Pemantauan Risiko PS yang mengandungi maklumat platform pemantauan, dokumen pemantauan dan kategori pemantauan. Bagi mencapa sasaran PS JI&K, mesyuarat dalaman, audit dalam dan pemakluman e-mel setiap bulan dilaksan oleh Pengarah Projek bagi memantau pelaksanaan projek inisiatif. Setiap kemajuan PS UiTMCM dilapor dan didokumen untuk rujukan; Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 dan Pelan Tindak Strategik UiTMCM 2023 (RESOLUSI) yang dihasilkan daripada mesyuarat serta bengkel PS berk e-SAP JI&K yang dilaporkan oleh TRPJI hasil mesyuarat J/K Jaringan Negeri dan Laporan Status Kewangan oleh Timbalan Bendahari daripada Mesyuarat Endowmen Negeri. Risiko operasi, proje strategik, reputasi dan kewangan dikenalpasti sebagai risiko JI&K dan ini didaftarkan dalam Mode Pemantauan Risiko PS ([UiTMCM_2.4.1c_Perancangan Strategik](#)).

Dokumen pemantauan PS UiTMCM disemak setiap bulan oleh Rektor bagi memastikan PS UiTM capai sasaran. Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 adalah dokumen utama PS bagi memant pencapaian setiap projek inisiatif, manakala e-SAP adalah sistem yang digunakan untuk memant projek inisiatif yang didaftarkan untuk mencapai PS UiTMCM, khususnya JI&K. Selain itu, minit Mesyuarat Staf Akademik (Peringkat Staf Akademik), Mesyuarat J/K Jaringan Negeri (Peringkat Pelaksana), Mesyuarat JKEN (Pengurusan Kanan UiTMCM), Perhimpunan Bulanan Staf UiTMCM (Peringkat Staf) dan MKSP (Peringkat Ketua Fakulti/Bahagian/unit) adalah platform bersemuka ya digunakan untuk memantau pencapaian PS ([UiTMCM_2.4.1d_Perancangan Strategik](#)). Setiap Fakulti/Bahagian/Unit turut dimasukkan ke dalam kumpulan Whatsapp bagi memudahkan proses pemantauan disebarluas dan tindakan Fakulti/Bahagian/Unit. Pemantauan berkala dan pengguna multi-platform ([UiTMCM_2.4.1e_Perancangan Strategik](#)) adalah strategi pemantauan Pengurusar Kanan UiTMCM agar sasaran PI dan PS UiTMCM dilaksanakan oleh Pelaksana dengan jayanya.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_P01_PB04_PC01_20241_UiTMCM_2.4.1a_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB04_PC01_20242_UiTMCM_2.4.1b_Perancangan Strategik edited1.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB04_PC01_20243_UiTMCM_2.4.1c_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB04_PC01_20244_UiTMCM_2.4.1d_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB04_PC01_20245_K0062_P01_PB04_PC01_20245_UiTMCM_2.4.1e_Peranca Strategik edited.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCM menggunakan **pelbagai mekanisme** bagi **mengesan risiko** yang berpotensi mengekang pencapaian PS UiTMCM terutama dalam bidang JI&K. Risiko Strategik adalah risiko yang diberi perhatian serius oleh Rektor sebagai Pengarah Projek bagi memastikan PS UiTMCM mencapai Teras Strategik 3 (TS3): Kompetensi Global menjurus kepada Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni untuk melaksanakan Indikator Prestasi Utama (KPI) **KPI3: Peratus Kebolehpasaran Graduan**. Ini selari dengan Objektif Strategik 8 (**OS8**) bagi Memperkasa jaringan strategik bersama industri di bawah program InFac. Risiko Strategik dikenalpasti pada suku tahun pertama (Januari-Mac 2023) dalam Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri melaporkan **PI073** dan **PI074**, iaitu PS yang berkaitan dengan MoU/MoA bersama rakan industri global serta nasional dilaporkan **BELUM CAPAI**. Data ini Berdasarkan Data Verifikasi ICAN, Shah Alam pada suku tahun pertama (Q1). Risiko ini turut menjadi fokus dalam Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 ([UiTMCM_2.4.2a_Perancangan_Strategik](#)). Selain risiko pencapaian PI, PS UiTMCM turut berdepan dengan Risiko Strategik yang berkaitan dengan penyebaran maklumat PS. Risiko ini dikenalpasti daripada Kajian Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap Perkhidmatan UiTMCM 2023 yang melaporkan isu penyampaian maklumat yang menuntut Pengurusan Kanan untuk menyebarkan maklumat lebih awal dan sentiasa menyalurkan maklumat terkini ([UiTMCM_2.4.2b_Perancangan_Strategik](#)). Isu ini turut dikesan dalam Kajian Tahap Kepuasan Pelanggan terhadap Perkhidmatan Bahagian PJI UiTMCM 2023 yang melibatkan warga KAG, KBM dan KJM mencadangkan agar sebaran maklumat PI yang lebih sistematik kepada warga.

Bagi mencapai PS UiTMCM, Pengurusan Kanan mengambil langkah proaktif bagi memastikan PS UiTMCM mencapai sasaran. Selain **strategi pelaporan setiap bulan** ([UiTMCM_2.4.2c_Perancangan_Strategik](#)) melalui platform mesyuarat dalaman, Pengurusan Kanan menjadikan Model Pemantauan Risiko yang mempunyai maklumat lengkap seperti dokumen pemantauan risiko, kategori risiko, data risiko dan tindakan pencegahan sebagai panduan mengawal risiko ([UiTMCM_2.4.2d_Perancangan_Strategik](#)). Bukti keberkesanan tindakan pencegahan yang diuruskan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM terhadap Risiko strategik dilaporkan dalam Pelaporan PI 2023, di mana **PI073** dan **PI074** dilaporkan dengan status **CAPAI** ([UiTMCM_2.4.2e_Perancangan_Strategik](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB04_PC02_20241_UiTMCM_2.4.2a_Perancangan_Strategik_edited1.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB04_PC02_20242_UiTMCM_2.4.2b_Perancangan_Strategik_edited.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB04_PC02_20243_UiTMCM_2.4.2c_Perancangan_Strategik_edited.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB04_PC02_20244_UiTMCM_2.4.2d_Perancangan_Strategik_edited.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB04_PC02_20245_UiTMCM_2.4.2e_Perancangan_Strategik_edited.pdf](#)

2.4.3 MENGENALPASTI RISIKO PS SEAWAL SUKU TAHUN PERTAMA (Q1) PADA JANUARI-MAC 2023

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa memastikan hala tuju UiTMCM selari dengan aspirasi nasional dan universiti. Oleh itu, **proses kaji semula PS** dan tindakan penambahbaikan **menjadi budaya warga UiTMCM bagi mencapai JI&K**.

Pemantauan setiap bulan PS UiTMCM membolehkan Pengurusan Kanan UiTMCM mengenalpasti risiko PS seawal suku tahun pertama (Q1) pada Januari-Mac 2023. Data yang diperolehi daripada Laporan Kajian Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap Perkhidmatan UiTMCM 2023, Kajian Tahap Kepuasan Pelanggan Terhadap Bahagian PJI UiTMCM 2023, Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 dan Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri 2023 melaporkan **PI073** dan **PI074** berstatus **BELUM CAPAI** ([UiTMCM_2.4.3a_Perancangan Strategik](#)) dikenalpasti untuk tindakan penambahbaikan.

Bagi mencapai PS berkaitan MoU/MoA bersama industri global dan nasional (PI073 dan PI074), Pengurusan Kanan UiTMCM mencadangkan agar fakulti menyalurkan pelajar latihan praktik ke industri global dan nasional. Ini bagi meningkatkan jaringan industri dan kerjasama bersama industri global dan nasional. Selain itu, fungsi Ketua Pusat Pengajian (KPP) diperkasakan di peringkat fakulti untuk mewar-warkan pautan JI&K kepada pelanggan UiTMCM yang berkaitan bagi meningkatkan pencapaian PI ([UiTMCM_2.4.3b_Perancangan Strategik](#)). Strategi ini dipetakan dan dianalisis dalam Pelan Tindakan Strategi UiTMCM 2023 dan Pelan Tindakan Strategi UiTMCM 2023 (**RESOLUSI**).

Setelah strategi dikenalpasti, proses seterusnya adalah proses sebar luas agar maklumat PS lebih difahami oleh semua warga. Oleh itu, pendigitalan Pelan Tindakan Strategi UiTMCM 2023 dan Pelan Tindakan Strategi UiTMCM 2023 (**RESOLUSI**) telah menjadikan dokumen ini mudah akses oleh semua pelanggan UiTMCM ([UiTMCM_2.4.3c_Perancangan Strategik](#)). Dokumen ini turut dimuatnaik dalam laman sesawang UiTMCM dan bersifat akses terbuka telah memudahkan proses sebarluas PS UiTMCM yang diambil oleh Pengurusan Kanan UiTMCM ([UiTMCM_2.4.3d_Perancangan Strategik](#)).

Selain itu, keberadaan dan staf di PTJ yang berkaitan dalam menyalurkan maklumat PS UiTMCM juga adalah tindakan penambahbaikan yang dilaporkan dalam dapatan Kajian Kepuasan Pelanggan yang dibentangkan di peringkat Ketua Fakulti/Unit/Bahagian untuk disebarkan kepada Fakulti/Unit/Bahagian masing-masing.

Bukti tindakan penambahbaikan ini efektif dan efisien apabila PI yang sebelum ini dilaporkan **BELUM CAPAI** dan setelah proses pengurusan risiko dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM pelaporan PI tersebut dilaporkan dengan status **CAPAI** ([UiTMCM_2.4.3e_Perancangan Strategik](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB04_PC03_20241_UiTMCM_2.4.3a_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB04_PC03_20242_UiTMCM_2.4.3b_Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB04_PC03_20243_UiTMCM_2.4.3c_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB04_PC03_20244_UiTMCM_2.4.3d_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB04_PC03_20245_UiTMCM_2.4.3e_Perancangan Strategik edited.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan **hasil inovasi** daripada pencegah risiko telah dikongsikan di **peringkat antarabangsa, nasional dan univiersiti**.

Dalam proses PS UiTMCM, Input risiko dan maklumbalas pelanggan digunakan untuk tambahbaik proses PS agar mencapai sasaran. Maklumbalas pelanggan secara digital ([UiTMCM_2.5a_Perancangan Strategik](#)) memudahkan pengumpulan data dan seterusnya, diproses untuk menghasilkan inovasi, iaitu Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 dan Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 (RESOLUSI). Dokumen ini dimuatnaik ke laman sesawang UiTMCM untuk diakses kepada pelanggan dalaman dan luaran UiTMCM: <https://melaka.uitm.edu.my/index.php/en/discover-us/directories/forms-online-download-centre> (Bahagian Pejabat Rektor).

Inovasi Buku Digital Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023

Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 adalah dokumen rujukan PS UiTMCM yang lengkap dengan maklumat projek JI&K dan strategi mencapai sasaran PI. Program InFac (Jaringan Industri) dan Program Keusahawanan Bestari (Jaringan Keusahawanan) di petakan dalam dokumen ini selari dengan sasaran PI dan strategi bagi memberi input kepada Pelaksana tentang kaedah mencapai sasaran PS. Buku digital ini adalah idea Pengurusan Kanan UiTMCM untuk digunakan bagi penyebarluasan maklumat PS ([UiTMCM_2.5b_Perancangan Strategik](#))

Inovasi Buku Digital Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 (RESOLUSI)

Buku Pelan Tindakan Strategik UiTMCM 2023 (RESOLUSI) ini dibentuk selepas Bengkel Semak Semula PS UiTMCM 2023. Hasil bengkel ini membentuk satu resolusi untuk mencapai sasaran PS yang berstatus **BELUM CAPAI**. Bagi PI24, Jumlah Pensyarah dengan kepakaran keusahawanan dilaporkan BELUM CAPAI dan strategi dibentangkan dengan mencadangkan Pensyarah yang terlibat dalam kursus/latihan keusahawanan wajib sertai kumpulan Whats App yang dibentuk oleh MASMED sebagai pengkalan data. Pemantauan yang sistematik akhirnya menjadikan PI24 ini **CAPAI status 100%** ([UiTMCM_2.5c_Perancangan Strategik](#))

Lawatan Penanda Aras di Peringkat Antarabangsa dan Nasional

Tahun 2023, UiTMCM menerima **Lawatan Penanda aras Application & Scientific Discussion Universitas Islam Negeri Sumatera Utara** ke UiTMCM bagi membentuk kerjasama strategik. Manakala, **lawatan penanda aras oleh Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan** ke UiTMCM bertujuan untuk mengetahui perancangan strategik bagi pengurusan kualiti. **PS UiTMCM yang sistematik dibuktikan dengan pengiktirafan Anugerah Kualiti Naib Canselor yang dimenangi** oleh UiTMCM sebanyak **3 kali berturut-turut** dan membawa kepada lawatan penanda aras fakulti/pusat pengajian.

Lawatan Penanda Aras di Peringkat Kebangsaan

Lawatan Penanda Aras dan Majlis pelancaran Kelulutpreneur Incubator Project, inisiatif impak sosial hasil kerjasama Yayasan TM dan UiTMCM KAG. Puan Ainol Shahrina Sahar, Pengarah Yayasan TM telah melancarkan program ini secara rasminya, diiringi oleh Dr Nurhayati Abd Rahman, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jalinan Industri, UiTM Melaka.

Peserta lawatan di bawa melawat ke tempat latihan penternakan lebah kelulut, Desa Kelulut dan turut diadakan adalah penyerahan kit latihan kepada para peserta. Inisiatif ini memberi manfaat yang berguna dalam menyokong pembangunan sosio-ekonomi peserta. Kesemua lawatan penandaarasan ini boleh dilihat dalam bukti ([UiTMCM_2.5d_Perancangan Strategik](#)).

Pengiktirafan UiTMCM dalam Pelbagai Anugerah

PS UiTMCM yang sistematik membawa kepada penganugerahan yang gemilang dalam **AKPU 2023**. Anugerah yang diberikan kepada UiTMCM termasuklah **Anugerah Pelan Tindakan Strategik Terbaik, Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjana Pendapatan 2023** dan **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Marketable 2023: Pillar 5 & 6; Highly Involved Industry, Community and Engaging Alumni** turut membawa UiTMCM kepada Anugerah 6 Bintang PTJ ([UiTMCM_2.5e_Perancangan Strategik](#))

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_P01_PB05_20241_UiTMCM_2.5a_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
2. [K0062_P01_PB05_20242_UiTMCM_2.5b_Perancangan Strategik.pdf](#)
3. [K0062_P01_PB05_20243_UiTMCM_2.5c_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
4. [K0062_P01_PB05_20244_UiTMCM_2.5d_Perancangan Strategik edited.pdf](#)
5. [K0062_P01_PB05_20245_UiTMCM_2.5e_Perancangan Strategik edited.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa berusaha dalam mendukung agenda dan mencapai objektif dengan memberikan galakan serta sokongan kepada warga, khususnya BPJI, untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K). Berasaskan tema **Sinergibersama dan Sinergitrust Dalam Memacu Kebolehpasaran Global : Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K)**, Pengurusan Kanan menawarkan perkhidmatan yang cekap dan berkesan sejajar dengan tumpuan kepada pelanggan.

Perancangan:

Pengurusan Kanan UiTMCM menjadikan data maklumbalas pelanggan sebagai satu asas dalam keberhasilan bidang tumpuan JI&K. Penumpuan kepada tema ini menjadikan warga melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam bidang tumpuan dengan sebaik mungkin seiring dengan pencapaian objektif UiTMCM. Fokus utama adalah kepuasan pelanggan yang dibahagikan kepada empat kategori: Pelanggan Misi, Pelanggan Proses, Pelanggan Dalaman, dan Pelanggan Luaran. UiTMCM juga menekankan lima kumpulan sasar dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan: **Pelajar, Staf, Industri, Komuniti, dan Alumni**. Pengurusan Kanan memastikan pelaksanaan aktiviti-aktiviti berkaitan keusahawanan dan penglibatan masyarakat untuk mencapai objektif kualiti dan kepuasan pelanggan.

Pelaksanaan:

UiTMCM sangat mementingkan perkhidmatan yang efisien, sesuai dengan kehendak dan keperluan pelanggan dalaman dan luaran. Dalam Pelan Strategik UiTM 2025, tema *Globally Marketable* pada tahun 2023 menekankan penghasilan pelajar, staf akademik, dan staf pentadbiran yang mampu bersaing di peringkat global. Penyediaan dan penawaran fasiliti yang kondusif dan dilengkapi dengan sistem dan pelbagai kemudahan yang komprehensif oleh UiTMCM kepada pelanggan juga adalah bertujuan menggerakkan jaringan industri dan keusahawanan (JI&K) ke arah pencapaian objektif dan petunjuk prestasi (PI) universiti.

Pemantauan:

Pengurusan Kanan UiTMCM melakukan pelbagai transformasi terhadap perkhidmatan dan kemudahan. Di antara inisiatif yang telah dijalankan untuk meningkatkan kualiti kebolehpasaran pelajar di peringkat antarabangsa adalah seperti 2 projek utama, iaitu Program Siswapreneur D'Bukit dan juga Projek Keusahawanan Sosial bersama Good Virtue and Co. yang melibatkan kejayaan kumpulan pelajar UiTMCM (Kumpulan Kays Water). Peluang untuk projek perundingan serta pemindahan ilmu juga berlaku melalui projek kolaborasi yang wujud antara universiti dan industri seperti Projek Inkubator KelulutPreneur, Projek Ittihad Trading bersama Perunding UiTMCM, dan Projek Transfer Knowledge Program (KTP) melibatkan 3 Rakan MoU Indonesia.

Penambahbaikan:

Pelaporan, aduan serta maklumbalas untuk penambahbaikan diselia oleh Pengurusan Kanan UiTMCM secara berkala serta sistematik. Inovasi dilakukan bagi memudahkan pengumpulan serta pemusatan data seperti penambahbaikan sistem digunakan untuk membantu pelanggan dalaman iaitu staf akademik merekod jumlah MoU dan MoA yang telah dihasilkan di UiTMCM. Selaras dengan inisiatif yang dilaksanakan, UiTMCM telah membuktikan penambahbaikan yang

berlaku membuahkan hasil. Ini dapat dilihat apabila UiTMCM telah memperolehi pencapaian yang cemerlang di Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023 dan MeTiC 13.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perkhidmatan yang efisien sesuai dengan kehendak dan keperluan pelanggan samada pelanggan dalaman dan luaran adalah perkara yang amat dititikberatkan oleh UiTMCM. Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah *Globally Renowned University* pada tahun 2023 menumpukan kepada tema “Globally Marketable” bagi menghasilkan pelajar, staf akademik dan staf pentadbiran yang boleh bersaing di peringkat global.

Terdapat empat (4) kategori pelanggan bagi UiTMCM iaitu; 1) Pelanggan Misi - terdiri daripada Ibubapa/Penjaga, Penaja Pelajar, Kementerian Pendidikan Tinggi, Lembaga Pengarah Universiti, UiTM, dan Industri, 2) Pelanggan Proses - Terdiri daripada Pelajar UiTM, Pensyarah, Pentadbir Akademik dan Professional, dan Staf Sokongan, 3) Pelanggan Dalaman - terdiri daripada staf yang berkhidmat di UiTMCM termasuklah pensyarah dan staf pentadbiran, dan 4) Pelanggan Luaran - terdiri daripada Universiti, Industri, Agensi Kerajaan, Masyarakat (komuniti termasuk alumni), dan lain-lain ([UiTMCM 3.2a Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Bagi bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) UiTMCM menumpukan kepada **5 kumpulan sasar, iaitu Pelajar, Staf, Industri, Komuniti dan Alumni**.

Keutamaan kepada kepuasan pelanggan telah dizahirkan dalam Amanat Rektor 2023 UiTMCM dalam menambahbaik kualiti penawaran perkhidmatan sesuai dengan tema Kebolehpasaran Global pada tahun 2023 adalah berdasarkan 6 asas utama iaitu; 1) menghasilkan pelajar yang boleh dipasarkan secara global, 2) menjana kakitangan yang boleh dipasarkan secara global (staf bukan akademik), 3) menjana sokongan kakitangan bertaraf global, 4) Ahli fakulti (staf akademik) bertaraf dunia, 5) Penglibatan industri dan komuniti dengan lebih dekat, dan 6) Melibatkan alumni ([UiTMCM 3.2b Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

Selain itu, penawaran perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan untuk mencapai bidang tumpuan adalah berdasarkan Objektif Kualiti UiTMCM (memastikan sekurang-kurangnya 30 aktiviti komuniti / pengantarabangsaan/ keusahawanan oleh UiTMCM setiap tahun) dan Piagam Pelanggan BPJI UiTMCM ([UiTMCM 3.2c Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Piagam ini dengan jelas menetapkan bahawa Pengurusan Kanan melalui TRPJI berfokus untuk mengadakan sekurang-kurangnya 10 aktiviti keusahawanan dan jaringan industri berkaitan penglibatan masyarakat setiap tahun serta menekankan pelaksanaan sekurang-kurangnya dua program keusahawanan setiap tahun. Ini secara langsung membuktikan pendekatan yang diambil oleh Pengurusan Kanan dalam memenuhi keperluan pelanggan.

Sehubungan dengan itu, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa prihatin terhadap keperluan setiap peringkat pelanggan untuk memastikan penawaran perkhidmatan yang terbaik, seperti yang terungkap dalam Model Pengurusan Pelanggan UiTMCM ([UiTMCM 3.2d Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Pelaksanaan projek jaringan industri dan keusahawanan melalui penganjuran aktiviti seperti bengkel/latihan, perkongsian pintar, dan khidmat kepakaran yang disumbangkan kepada staf, alumni, industri, dan komuniti bagi memastikan kepuasan pelanggan UiTMCM. Kecekapan Pengurusan Kanan UiTMCM dalam memenuhi kehendak pelanggan menjadi asas kepada kepuasan pelanggan ([UiTMCM 3.2e Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_T01_TB02_20241_UiTMCM_3.2a_Tumpuan Kepada Pelanggan_edited.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB02_20242_UiTMCM_3.2b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB02_20243_UiTMCM_3.2c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB02_20244_UiTMCM_3.2d_Tumpuan Kepada Pelanggan_edited.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB02_20245_UiTMCM_3.2e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCM membuat pengumpulan data secara sistematik bertujuan membuat penambahbaikan. Kepuasan pelanggan dalam dan luaran dijadikan sebagai asas untuk cadangan penambahbaikan.

Perekodan data pelanggan dalaman ditambahbaik dengan menggunakan sistem seperti sistem pengumpulan data (aktiviti penyelidikan, geran, perundingan, projek komuniti, inovasi, dan penyeliaan) staf akademik secara berkala ([UiTMCM 3.3a Tumpuan Kepada Pelanggan](#)) oleh jawatankuasa yang dilantik BPJI. Pengumpulan data MyRA adalah penting kerana ianya adalah instrumen yang mengukur input, output, outcome dan impak Pembangunan, Penyelidikan, Pengkomersilan & Inovasi (RDCI) universiti ([UiTMCM 3.3b Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Penyelaras MyRA akan menyampaikan taklimat tentang Glosari MyRA terkini terlebih dahulu sebelum pengumpulan data untuk memastikan pemsyarah mengenalpasti jenis data yang diperlukan dengan tepat ([UiTMCM 3.3c Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Data MyRA disimpan dalam Google Drive MyRA UiTMCM dan data diaudit setiap tahun untuk pelaporan skor MyRA UiTMCM ([UiTMCM 3.3d Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

Unit ICAN di bawah BPJI juga turut merekod data aktiviti-aktiviti melibatkan pelanggan dalaman dan luaran melalui pengumpulan data khususnya menggunakan sistem PRIME dan sistem SMART . Selain itu, bagi pengumpulan data semua pelaporan dokumen MoU/MoA/Lol di antara UiTMCM dengan semua pemegang taruh/universiti disimpan dalam Google Drive ([UiTMCM 3.3e Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

Melalui pelaporan dan pengumpulan data oleh unit MyRA dan Unit ICAN BPJI, banyak aktiviti yang telah dikenalpasti dan memenuhi pencapaian petunjuk prestasi (PI) UiTMCM khususnya, seiring dengan agenda UiTMCM dalam memenuhi objektif universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB03_20241_UiTMCM_3.3a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB03_20242_UiTMCM_3.3b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB03_20243_UiTMCM_3.3c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB03_20244_UiTMCM_3.3d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB03_20245_UiTMCM_3.3e_Tumpuan Kepada Pelanggan edited.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Berteraskan tema **Sinergibersama Dan Sinergitrust Dalam Memacu Kebolehpasaran Global : Jaringan Industri dan Keusahawanan**, pihak Pengurusan Kanan UiTMCM melakukan pelbagai transformasi terhadap perkhidmatan. Di antara inisiatif yang telah dijalankan untuk meningkatkan kualiti kebolehpasaran pelajar di peringkat global, adalah seperti:

1) Program Siswapreneur D'Bukit, membuka peluang kepada pelajar untuk menjalankan perniagaan secara persendirian, perkongsian atau mewakili kelab/persatuan yang bukan sahaja dapat menjana pendapatan malah dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar selain perniagaan seperti kemahiran kepimpinan, berpasukan, komunikasi berkesan dan lain-lain ([UiTMCM_3.4.1a_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

2) Projek Keusahawanan Sosial bersama Good Virtue and Co. yang melibatkan kejayaan kumpulan pelajar UiTMCM (Kumpulan Kays Water) menjadi finalis Top 5 dalam pertandingan Do Good Challenge melalui pemasangan 3 unit *water dispenser* di kolej Tun Hassan, Tun Hamzah dan juga Tun Jebat.

Terdapat banyak ganjaran yang diperoleh oleh pelanggan UiTMCM hasil daripada perkhidmatan dan kemudahan cemerlang bidang tumpuan JI&K yang juga membuka peluang kolaborasi lebih lanjut antara universiti dan industri, seperti:

1) Projek MoU bersama Ittihad Trading & Resources Sdn. Bhd. bersama Perunding UiTMCM, menunjukkan peluang menyalurkan pengetahuan dan kepakaran staf akademik UiTMCM kepada komuniti penternak arnab di Felda Bukit Aping Barat, Kota Tinggi Johor. Pemindahan ilmu oleh pakar runding dari UiTMCM membantu penternak dalam penjanaaan pendapatan ([UiTMCM_3.4.1b_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

2) Projek *Knowledge Transfer Programme* (KTP) melibatkan 3 Rakan MoU Indonesia iaitu Sumbar Leather Crafter, Komunitas Tangan Di Atas dan Hobi Kayu Padang ([UiTMCM_3.4.1c_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Hasil daripada projek kolaborasi ini memberi peluang kepada staf akademik untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh para rakan MoU dan menyalurkan pengetahuan serta saranan penyelesaian kepada masalah tersebut.

3) Projek Keusahawanan Sosial bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna: Jom Bantu Asnaf 3.0 adalah program yang mensasarkan dua kumpulan pelanggan iaitu pelajar asnaf UiTMCM dan pelajar asnaf sekolah ([UiTMCM_3.4.1d_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Program ini dianjurkan secara bersama oleh tiga pihak iaitu staf akademik, pelajar yang mewakili kelab dan komuniti luar.

4) Projek Inkubator KelulutPreneur UiTMCM melibatkan 22 peserta dari kalangan B40 yang dipilih di sekitar Lendu, Melaka. Pemindahan ilmu berlaku kepada peserta serta membuka peluang untuk menjadi usahawan kelulut yang boleh mencapai pendapatan pasif setiap bulan ([UiTMCM_3.4.1e_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_T01_TB04_TC01_20241_UiTMCM_3.4.1a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB04_TC01_20242_UiTMCM_3.4.1b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB04_TC01_20243_UiTMCM_3.4.1c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB04_TC01_20244_UiTMCM_3.4.1d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB04_TC01_20245_UiTMCM_3.4.1e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan kanan UiTMCM telah menjalankan kaedah yang lebih sistematik dalam mengenalpasti risiko-risiko yang boleh memudaratkan dan menjejaskan kepada pencapaian objektif universiti dan JI&K itu sendiri. Antara risiko yang dikenal pasti boleh menjejaskan bidang tumpuan kepada pelanggan adalah, 1) Risiko strategik merujuk kepada risiko yang menjadi penghalang kepada UiTMCM dalam mencapai halatuju dan objektif pusat tanggungjawab universiti dan, 2) Risiko reputasi merujuk kepada risiko yang memberi implikasi kepada imej universiti.

Risiko Strategik

Antara risiko yang wujud di bawah kategori risiko strategik adalah, pelaporan daripada PIC projek yang menjalankan projek-projek dibawah JI&K. Pelaporan adalah amat penting untuk mengetahui objektif atau PI setiap bahagian/unit/fakulti tercapai atau tidak . Apabila pelaporan tidak berlaku, maka akan terjejas statistik pelaporan dan PI universiti/bahagian/unit/fakulti.

Tindakan Pencegahan

Kekerapan laporan dibentangkan oleh BPJI iaitu 2 kali setahun, untuk mengetahui sasaran objektif dan PI yang telah tercapai. E-mel peringatan untuk pelaporan aktiviti juga kepada semua warga UiTMCM khususnya PIC projek diberikan secara berkala supaya aktiviti berjaya dilaporkan ([UiTMCM_3.4.2a_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Ini dapat meningkatkan kadar pelaporan aktiviti oleh PIC projek secara keseluruhan dan memenuhi kepuasan pelanggan.

Risiko data alumni

Kekurangan data alumni (pelanggan) yang berlaku akibat daripada kurang pemakluman atau aktiviti penyebaran maklumat bagi pengumpulan data alumni. Ini menyebabkan projek-projek bersama alumni tiada kesinambungan dan hanya berkonsep one-off.

Tindakan pencegahan

Penambahbaikan yang boleh dilakukan adalah melalui menandatangani Memorandum of Understanding (MoU) atau Memorandum of Agreement (MoA) selepas one-off projek dilakukan. Sistem yang lebih sistematik diwujudkan untuk data alumni bagi pelajar yang bakal tamat pengajian dan secara aktif mencari program kolaborasi yang sesuai supaya kesinambungan wujud walaupun alumni berada dalam industri ([UiTMCM_3.4.2b_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

Risiko kolaborasi bersama industri

Cabaran untuk mencari syarikat-syarikat/industri (pelanggan) untuk berkolaborasi

Tindakan pencegahan

Kenalpasti saluran dan pihak-pihak yang boleh mewujudkan kerjasama atau melakukan aktiviti kolaborasi seperti syarikat-syarikat yang menawarkan latihan industri kepada pelajar UiTMCM seterusnya menandatangani MoU/MoA untuk kesinambungan projek pada masa yang sama menikmati manfaat daripada dapatan projek. ([UiTMCM_3.4.2c_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

SENARAI BUNTI.

1. [K0062_T01_TB04_TC02_20241_UiTMCM_3.4.2a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB04_TC02_20242_UiTMCM_3.4.2b_Tumpuan Kepada Pelanggan_edited1.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB04_TC02_20243_UiTMCM_3.4.2c_Tumpuan Kepada Pelanggan edited.pdf](#)
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan kanan UiTMCM melantik jawatankuasa khas untuk sebagai person-in-charge (PIC) untuk mengumpulkan data berkenaan projek-projek yang telah dijalankan yang memberi tumpuan kepada JI&K dengan lebih sistematik. Pelaporan aktiviti atau projek jaringan telah ditambahbaik dengan menggunakan sistem yang diselia secara berkala seperti sistem PRIME STAR RATING bagi projek-projek JI&K dibawah seliaan ICAN BPJI. PIC yang bertanggungjawab untuk pengumpulan data ICAN ini telah memudahkan proses pendaftaran dan pelaporan dengan menyediakan manual PRIME STAR RATING ([UiTMCM_3.4.3a_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)) bagi memudahkan PIC projek membuat pelaporan. Penambahbaikan pengumpulan data bagi projek-projek berkaitan MoU/MoA/LoI dengan pewujudan carta alir Sistem NILAMs ([UiTMCM_3.4.3b_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)) juga bertindak sebagai pemudahcara kepada PIC yang terlibat. Selain itu, inisiatif terbaru adalah tatacara untuk memuatnaik dokumen yang telah ditandatangani disediakan juga oleh jawatankuasa ICAN sebagai langkah proaktif untuk membantu PIC dan ketua-ketua projek ([UiTMCM_3.4.3c_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Perkongsian maklumat kepada semua warga kampus melalui e-mel berkenaan pelaporan PI daripada TRPJI dan ketua Unit ICAN ([UiTMCM_3.4.3d_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)) meningkatkan jumlah pelaporan yang diterima oleh BPJI.

Hasil daripada maklum balas dan aduan pelanggan yang telah ditambahbaik bagi JI&K, UiTMCM diiktiraf dengan diberikan pelbagai anugerah di MeTiC 13 (pencapaian UiTMCM 2023) dan Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2023. Pemberian anugerah ini diwarwarkan dalam FB UiTMCM sebagai satu bentuk penghargaan kepada pelanggan. ([UiTMCM_3.4.3e_Tumpuan Kepada Pelanggan](#))

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB04_TC03_20241_UiTMCM_3.4.3a_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB04_TC03_20242_UiTMCM_3.4.3b_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB04_TC03_20243_UiTMCM_3.4.3c_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB04_TC03_20244_UiTMCM_3.4.3d_Tumpuan Kepada Pelanggan_edited.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB04_TC03_20245_UiTMCM_3.4.3e_Tumpuan Kepada Pelanggan edited1.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tindakan yang telah diambil oleh pihak UiTMCM amat berkesan dan terbukti dapat meningkatkan bukan sahaja produktiviti malah dapat mencapai objektif untuk memenuhi tanggapan dan kepuasan pelanggan luaran dan dalaman. Seiring dengan Sinergibersama Dan Sinergitrust Dalam Memacu Kebolehpasaran Global : Jaringan Industri dan Keusahawanan, pihak Pengurusan Kanan UiTMCM, telah berjaya memenuhi kepuasan pelanggan secara optima terutamanya pelanggan dalaman ([UiTMCM_3.5a_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

Pengurusan Kanan telah membuka pelbagai platform seperti telegram untuk warga kampus termasuk staf akademik dan staf pentadbiran serta pelajar untuk berkongsi idea, pandangan mahupun kritikan dan aduan untuk kebaikan universiti . Selain itu, UiTMCM juga secara aktif menyebarkan maklumat kepada pelanggan dalaman serta luaran dengan secara aktifnya terlibat dan *posting* sebarang aktiviti-aktiviti dalaman, projek-projek kolaborasi dengan industri juga program-program pengantarabangsaan dengan pihak luar. Antara platform penyebaran yang digunakan secara aktif termasuklah melalui Amanat Rektor bagi pelanggan dalaman serta Facebook Rasmi UiTMCM dan Instagram Rasmi UiTMCM (bagi pelanggan dalaman dan luaran) ([UiTMCM_3.5b_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)).

Bagi platform aduan pelajar pula adalah melalui saluran e-aduan terus daripada laman Instagram Rasmi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTMCM samada di Kampus Alor Gajah, Kampus Bandaraya dan juga Kampus Jasin ([UiTMCM_3.5c_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Inovasi yang dijalankan oleh UiTMCM adalah dengan pewujudan aplikasi Telegram Rasmi UiTMCM bagi menyalurkan maklumat-maklumat rasmi universiti kepada pelanggan dalaman mahupun luaran.

UiTMCM telah melaksanakan berbagai inisiatif bagi mencapai objektif strategik yang telah dirancang oleh Pengurusan Kanan untuk manfaat pelanggan-pelanggan UiTMCM yang terdiri daripada pelbagai kategori. Pengurusan perkhidmatan dan kemudahan yang berkualiti telah memberikan faedah kepada pelanggan-pelanggan UiTMCM. Ini telah terbukti dimana UiTMCM telah mendapat kunjungan dari Universitas Tadulako Sulawesi Tengah, Indonesia yang lain mengadakan lawatan penanda aras ke UiTMCM ([UiTMCM_3.5d_Tumpuan Kepada Pelanggan](#)). Sesi lawatan ini adalah sebagai penandatangan dan perkongsian kesepakaran disamping memberi peluang kepada kedua-dua universiti untuk mempergiat usahasama dalam penyelidikan & jaringan industri serta program-program pembangunan akademik yang memberi manfaat kepada pelanggan.

Selaras dengan inisiatif yang dilaksanakan, UiTMCM telah membuktikan penambahbaikan yang berlaku telah membuahkan hasil. Pengiktirafan khusus kepada pelanggan UiTMCM terserlah apabila UiTMCM mendapat 3 anugerah di MeTic 13 iaitu ([UiTMCM_3.5e_Tumpuan Kepada Pelanggan](#))

- 1) **Anugerah Kolaborasi Alumni Terbaik** (tempat kedua)
- 2) **Anugerah Projek Komuniti Lestari** (tempat kedua)
- 3) **Anugerah Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) 2023: Kadar Respons Terbaik** (tempat ketiga)

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_T01_TB05_20241_UiTMCM_3.5a_Tumpuan Kepada Pelanggan_edited.pdf](#)
2. [K0062_T01_TB05_20242_UiTMCM_3.5b_Tumpuan Kepada Pelanggan_edited.pdf](#)
3. [K0062_T01_TB05_20243_UiTMCM_3.5c_Tumpuan Kepada Pelanggan_edited.pdf](#)
4. [K0062_T01_TB05_20244_UiTMCM_3.5d_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)
5. [K0062_T01_TB05_20245_UiTMCM_3.5e_Tumpuan Kepada Pelanggan.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam memastikan mekanisme pengukuran yang sistematik, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa menekankan nilai **Nilai Sinergibersama dan Sinergitrust** untuk mencapai hala tuju UiTMCM ke arah kampus yang mempunyai Kebolehpasaran Global yang mampan.

Graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang merupakan salah satu daripada 10 lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Ciri-ciri graduan ini juga adalah selari dengan salah satu daripada 6 atribut aspirasi pelajar iaitu untuk memperkasa kemahiran berfikir yang membawa kepada penghayatan pendapat yang pelbagai, berfikir secara kritikal dan inovatif, berkemahiran menyelesaikan masalah serta berciri keusahawanan.

Seiring dengan itu, Pelan Strategik (PS) UiTM 2025 dirangka dengan tema strategik antaranya:

1. Perkongsian pintar industri, komuniti & alumni.
2. Graduan seimbang & berciri keusahawanan.

Perancangan

Menyahut PS UiTM 2025, **objektif strategik bagi JI&K** di UiTMCM adalah:

1. Memperkasa jaringan strategik bersama industri.
2. Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global.

Melalui perbincangan di dalam Mesyuarat Perancangan Strategik, Pengurusan Kanan UiTMCM menetapkan pengukuran bagi pencapaian JI&K adalah berpandukan:

1. Petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan oleh UiTM kepada UiTMCM berkaitan JI&K.
2. Objektif kualiti UiTMCM
3. Tahap kepuasan pelanggan.

Penetapan pengukuran ini mengambil kira perkongsian maklumat daripada semua pelanggan, unit, bahagian dan fakulti kerana Pengurusan Kanan UiTM menerapkan nilai sinergibersama dan sinergitrust.

Pelaksanaan

Data/laporan yang diperlukan bagi pengukuran pencapaian JI&K dikumpul, dipantau dan dianalisa oleh setiap pegawai bertanggungjawab di peringkat unit, bahagian dan fakulti serta dipantau secara sistematik oleh Pengurusan Kanan UiTMCM. Pencapaian JI&K secara keseluruhan dikumpul dan dianalisa oleh penyelar PSTU, Koordinator dan Penyelar Jaringan Industri dan Keusahawanan seterusnya disahkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM dan data yang sahih disalurkan kepada BTU, UiTM.

Pemantauan

Setiap pegawai bertanggungjawab yang terlibat dalam pengurusan data JI&K melaporkan hasil analisa data di dalam mesyuarat unit, bahagian dan fakulti sebagai kaedah pemantauan data. Pelaporan di dalam mesyuarat ini juga menjadi mekanisme bagi membincangkan risiko, peluang tindakan pencegahan, masalah yang dihadapi, tindakan penambahbaikan dan hasil analisa keberkesanan penambahbaikan yang telah dilaksanakan bagi pengawalan risiko dan penambahbaikan berterusan.

Tindakan Penambahbaikan

Contoh penambahbaikan yang telah dijayakan melalui pemantauan adalah google form bagi mengumpul data PI80, *number of alumni expert service programme* dan disebarkan kepada semua Ketua Pusat Pengajian (KPP). Selain itu, *google form* bagi pengumpulan data PI19, *number of alumni successfully became entrepreneurs* juga disebarkan bersama video pendek kejayaan alumni usahawan yang dimuatnaik ke dalam Facebook rasmi PJI UiTM Cawangan Melaka bagi mendapatkan maklumbalas daripada alumni.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENGUKURAN BAGI PENCAPAIAN BIDANG TUMPUAN

Perancangan strategik (PS) UiTMCM terhadap JI&K adalah berpandukan dua (2) tema strategik PS UITM 2025, melalui dua (2) objektif strategik iaitu ([UiTMCM_4.2a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)):

1. Memperkasa jaringan strategik bersama industri.
2. Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global.

Pengukuran bagi pencapaian bidang tumpuan telah dirancang semasa Bengkel Perancangan Strategik ([UiTMCM_4.2b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)). Melalui perkongsian pengetahuan daripada Pengurusan Kanan UiTMCM dan pelaksana inisiatif/projek strategik, pengukuran yang ditetapkan adalah:

1. Petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan oleh UiTM kepada UiTMCM berkaitan JI&K.
2. Objektif kualiti UiTMCM
3. Tahap kepuasan pelanggan.

Terdapat 16 PI yang ditetapkan kepada UiTMCM berkaitan JI&K iaitu: ([UiTMCM_4.2c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

1. *PI19 Number of alumni successfully became entrepreneurs*
2. *PI21 Number of IPT student entrepreneurs conducting business on campus during their study period.*
3. *PI22 Number of companies, enterprises or business projects funded by start-up investors, venture investors, public funding entities, government agency grants and entrepreneurship-related pitching competition prizes.*
4. *PI23 Number of collaborations with agencies, industry, NGOs, IPT (local and international).*
5. *PI24 Number of educators with entrepreneurial expertise.*
6. *PI25 Number of digitally driven innovation and technology -based student start-up companies.*
7. *PI26 The number of students involved in IPT's Innovation and Technology based programmes.Number of new MoA with local partners.*
8. *PI73 Number of new MoA with local partner.*
9. *PI74 Number of activities under MoA/ MoU with International Industries.*
10. *PI76 Number of Knowledge Transfer Programmes (KTP).*
11. *PI77 Total amount received (from external) for USR and KTP programmes*
12. *PI78 Total amount spent (from own funds) for USR and KTP programmes.*
13. *PI79 Number of communities receiving/benefiting from the knowledge/technology diffusion projects.*
14. *PI80 Number of alumni expert service programme.*
15. *PI128 Income generation from Kumpulan Wang Pengurusan.*

Objektif kualiti UiTMCM berkaitan JI&K ([UiTMCM_4.2d Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

1. Bilangan program keusahawanan.
2. Bilangan program pengantarabangsaan.

Tahap kepuasan pelanggan.

1. Tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan UiTMCM (Bahagian PJI)
2. Tahap kepuasan pelanggan terhadap program/aktiviti JI&K

Penetapan pengukuran ini mengambil kira perkongsian maklumat daripada semua pelanggan, unit, bahagian dan fakulti kerana Pengurusan Kanan UiTMCM menerapkan **nilai sinergibersama dan sinergitrust**. Selain itu, Laporan Pengurusan Risiko 2023 juga menjadi asas dalam pengukuran JI&K. Hasil perancangan strategik mewujudkan inovasi Pelan Tindakan Strategik turut menjadi rujukan penting bagi menjayakan pelaksanaan JI&K di UiTMCM ([UiTMCM_4.2e Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_A01_AB02_20241_UiTMCM_4.2a Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB02_20242_UiTMCM_4.2b Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB02_20243_UiTMCM_4.2c Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB02_20244_UiTMCM_4.2d Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)
5. [K0062_A01_AB02_20245_UiTMCM_4.2e Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

DATA, KAEDAH PENILAIAN, KEKERAPAN PENGUMPULAN DAN ANALISA DATA

Pemetaan pengukuran, data, kaedah analisa, kekerapan data dikumpul dan dianalisa disertakan di dalam lampiran ([UiTMCM_4.3a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

Secara umumnya, data-data berkaitan pengukuran pencapaian JI&K (beserta kekerapan pengumpulan data) diperoleh daripada dua (2) sumber utama:

1. Sumber data UiTM

1. Data Kajian Pengesanan Graduan (KPG) – dua kali setahun.
2. Data SMART - setiap bulan.
3. Data MyENT – setiap bulan.
4. Data daripada sistem BTU – setiap bulan.
5. Data MyMohes.

2. Sumber data UiTMCM

1. Data kewangan bendahari UiTMCM – setiap bulan.
2. Data MyRA – setiap bulan
3. Laporan program/projek/aktiviti JI&K
 1. Industri partner
 2. Industri-driven programme
 3. MoU/MoA/LOI bersama industri
 4. Perkongsian kepakaran bersama industri
 5. Sangkutan industri
 6. Sumbangan industri
 7. Latihan industri
 8. Alumni
4. Laporan Kajian Kepuasan Pelanggan (KKP) UiTMCM – sekali setahun.

Selain data yang diterima dari UiTM, data JI&K UiTMCM disalurkan daripada setiap bahagian dan fakulti. Instrumen pengumpulan data adalah soalan kaji selidik yang diberikan kepada responden secara bersemuka dan atas talian. Borang maklumat program jaringan industri diwujudkan secara atas talian mengikut keperluan SMART bagi memudahkan maklumat didaftarkan di dalam sistem. Data keusahawanan dan laporan pencapaian PI dikumpulkan menggunakan borang secara atas talian ([UiTMCM_4.3b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

Kaedah penilaian yang digunakan adalah:

1. Pencapaian sasaran yang ditetapkan ([UiTMCM_4.3c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).
2. Analisis tren ([UiTMCM_4.3d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#))

-
3. Analisis perbandingan antara fakulti, bahagian, kampus dan cawangan
([UiTMCM_4.3e_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB03_20241_UiTMCM_4.3a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB03_20242_UiTMCM_4.3b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB03_20243_UiTMCM_4.3c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB03_20244_UiTMCM_4.3d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)
5. [K0062_A01_AB03_20245_UiTMCM_4.3e_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

PERKONGSIAN HASIL ANALISIS DATA DAN PENGETAHUAN UNTUK KAJI SEMULA PENGURUSAN

Hasil analisa data dilaporkan di dalam mesyuarat dalaman yang telah ditetapkan oleh Pengurusan Kanan dan Ketua Fakulti/Bahagian/Unit ([UiTMCM_4.4.1a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

Hasil perkongsian pengetahuan daripada mesyuarat-mesyuarat unit, bahagian dan fakulti yang memerlukan perbincangan bersama barisan Pengurusan Kanan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN), Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen & Penjanaaan Pendapatan Negeri, Mesyuarat Pengurusan (MP) Kampus, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Data-data yang telah dianalisis didokumenkan dalam Laporan Pengurusan Risiko, Resolusi dan Tindakan sebagai satu mekanisme untuk penambahbaikan prestasi. Dokumen Laporan Pengurusan Risiko menjadi rujukan Pengurusan Kanan UiTMCM untuk meningkatkan pencapaian prestasi dengan tindakan pencegahan risiko, manakala bagi Pelan Tindakan adalah dokumen rujukan bagi Perancangan Strategik untuk mencapai sasaran JI&K. ([UiTMCM_4.4.1b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

Kaji semula pengurusan yang proaktif juga berlaku bagi isu yang belum didaftarkan sebagai risiko. Sebagai contoh, berdasarkan hasil pembentangan laporan kewangan projek keusahawanan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Endowmen & Penjanaaan Pendapatan Negeri, Bendahari mencadangkan agar laporan yang sebenar perlu diadakan bagi memenuhi keperluan audit. Rektor mencadangkan inovasi **Sistem Accounting Literacy Simplified Template (ALST)** diusahakan oleh pensyarah Fakulti Perakaunan dan penyediaan laporan kewangan disediakan bersama pensyarah fakulti perakaunan yang ditugaskan sebagai pakar rujuk sistem ALST ([UiTMCM_4.4.1c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)). Sistem Pelaporan Kewangan ALST ini turut digunapakai dalam projek JI&K UiTMCM seperti Projek D'Bukit (Projek Siswapreneur D'Bukit) dan Projek Kelulut (Projek Inkubator KelulutPreneur UiTMCM).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_A01_AB04_AC01_20241_UiTMCM_4.4.1a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB04_AC01_20242_UiTMCM_4.4.1b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB04_AC01_20243_UiTMCM_4.4.1c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

RISIKO PENGUKURAN ANALISA DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

Risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dikenalpasti oleh Pengurusan Kanan, ketua-ketua fakulti/bahagian/unit dan pegawai pengurus data melalui perbincangan hasil analisa data. Berikut adalah contoh pengurusan risiko yang didaftarkan oleh Bahagian PJI bagi JI&K di dalam Laporan Pengurusan Risiko UiTMCM ([UiTMCM_4.4.2a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

Risiko Operasi

Terdapat laporan program JI&K yang tidak direkodkan oleh ketua program ke dalam sistem SMART. Kepelbagaian format laporan program juga menyukarkan pihak PJI untuk mendaftarkan program ke dalam SMART dan berkemungkinan maklumat yang diperlukan oleh sistem SMART tidak lengkap menyebabkan PI UiTMCM tidak dapat dicapai.

Tindakan pencegahan

Emel peringatan untuk pelaporan aktiviti diberikan secara berkala bagi memastikan semua warga UiTMCM ([UiTMCM_4.4.2b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)). Bagi memastikan laporan yang disediakan oleh ketua projek adalah lengkap dan menepati keperluan sistem SMART, Bahagian PJI telah menyediakan google form mengikut format yang diperlukan dalam sistem SMART untuk memudahkan pensyarah membuat pelaporan ([UiTMCM_4.4.2c_Emel Peringatan Pelaporan Aktiviti](#)). Staf PJI mengambil langkah proaktif dengan menyemak maklumat program yang diterima daripada ketua projek ([UiTMCM_4.4.2d_Emel Peringatan Pelaporan Aktiviti](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB04_AC02_20241_UiTMCM_4.4.2a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB04_AC02_20242_UiTMCM_4.4.2b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB04_AC02_20243_UiTMCM_4.4.2c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB04_AC02_20244_UiTMCM_4.4.2d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

PENAMBAHBAIKAN HASIL TINDAKAN PENCEGAHAN RISIKO

Tindakan pencegahan dan penambahbaikan dilaksanakan bagi setiap risiko pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan yang dikenalpasti oleh pegawai bertanggungjawab menguruskan data dan Pengurusan Kanan. Pelaksanaan tindakan pencegahan ini ditambahbaik dengan pengumpulan data, analisa keberkesanan tindakan dan dikongsi kepada warga UiTMCM.

Contoh penambahbaikan tindakan pencegahan berdasarkan risiko dalam bahagian di atas adalah integrasi data bersama Bahagian HEA dan HEP bagi Laporan Program JI&K yang tidak lengkap atau tidak direkodkan dalam sistem SMART ([UiTMCM_4.4.3a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

Selain itu, hasil tindakan pencegahan yang dipantau oleh Pengurusan Kanan UiTMCM dalam Mesyuarat Bahagian PJI melalui Laporan Pencapaian PI setiap bulan oleh Penyelaras PSTU mendapati PI yang sukar untuk dicapai adalah PI keusahawanan seperti **PI180 Number of alumni expert service programme**. Oleh itu, Bahagian PJI menyediakan google form bagi pengumpulan data dan bekerjasama dengan KPP bagi mengenalpasti staf yang menjayakan aktiviti bersama alumni ([UiTMCM_4.4.3b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)). Bagi mencapai **PI19, number of alumni successfully became entrepreneurs, pautan google form** juga disebarikan bersama video pendek kejayaan alumni usahawan yang dimuatnaik ke dalam Facebook rasmi PJI UiTM Cawangan Melaka bagi mendapatkan maklumbalas daripada alumni ([UiTMCM_4.4.3c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)). Kejayaan bagi tindakan hasil analisa data ini dikongsi bersama warga UiTMCM melalui mesyuarat dalaman dan amanat rektor ([UiTMCM_4.4.3d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB04_AC03_20241_UiTMCM_4.4.3a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB04_AC03_20242_UiTMCM_4.4.3b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_edited.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB04_AC03_20243_UiTMCM_4.4.3c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan_edited.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB04_AC03_20244_UiTMCM_4.4.3d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

PEMBUDAYAAN DARI HASIL ANALISA TINDAKAN PENCEGAHAN RISIKO

Hasil analisa tindakan pencegahan risiko menunjukkan **nilai sinergibersama dan sinergitrust** adalah kekuatan dalam kecemerlangan JI&K UiTMCM. Pembudayaan yang diamalkan adalah:

1. Inisiatif pemantauan yang teliti telah dibudayakan oleh bahagian PJI dimana Timbalan Rektor PJI mewujudkan senarai tugas yang terperinci melalui minit mesyuarat unit masing-masing. Perkara ini dapat memastikan tatakelola jabatan dan unit yang lebih berkesan. Minit mesyuarat unit ini dipantau oleh koordinator PJI dan memudahkan urusan pemarkahan LNPT pada hujung tahun ([UiTMCM_4.5a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).
2. Libat urus dan integrasi data program BPJI, BHEA dan BHEP. Budaya sinergibersama dan sinergi trust ini berjaya mengurangkan risiko PI UITMCM tidak dapat dicapai kerana data program JI&K tidak dimasukkan ke dalam sistem SMART. Dengan adanya senarai lengkap projek JI&K yang dijayakan, semua data projek dapat dimasukkan ke dalam sistem ([UiTMCM_4.5b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).
3. Pendigitalan dokumen seperti pengenalan *Google Form* dan *Google Drive* sebagai instrumen pengumpulan data program jaringan industri mengikut keperluan SMART yang terbukti lebih efektif ([UiTMCM_4.5c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)).
4. Budaya menghargai usaha warga UiTMCM melalui Anugerah Bestari ICAN 2023 dan Anugerah Khas Rektor bagi mengiktiraf program jaringan industri dan keusahawanan terbaik sepanjang tahun ([UiTMCM_4.5d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan](#)). Penghargaan ini juga dilaksanakan bagi memberi motivasi kepada staf untuk memperkasa JI&K yang berimpak tinggi dan membuat pelaporan program yang baik.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_A01_AB05_20241_UiTMCM_4.5a_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
2. [K0062_A01_AB05_20242_UiTMCM_4.5b_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
3. [K0062_A01_AB05_20243_UiTMCM_4.5c_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan.pdf](#)
4. [K0062_A01_AB05_20244_UiTMCM_4.5d_Pengukuran, Analisis dan Pengurusan Pengetahuan edited.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan

UiTMCM melaksanakan **Sinergibersama dan Sinergitrust** dengan pendekatan pengurusan sumber manusia yang strategik dan holistik. Dengan 996 staf, termasuk 553 (56%) staf akademik (132 orang berkelayakan PhD) dan 443 (44%) staf pentadbiran, pelbagai kaedah pengurusan, penghargaan, dan pengiktirafan telah diterapkan. Unit seperti Office of Industry, Community and Alumni Network (ICAN) dan Malaysian Academy of SME & Entrepreneurship Development (MASMED) dirangka untuk melibatkan dan menyelaraskan tenaga kerja dalam aktiviti JI&K. Latihan berkala dijalankan dengan minimum 42 jam setahun turut disokong oleh ICAN dan MASMED. Penilaian prestasi staf dilakukan melalui Key Performance Index (KPI), Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT). Penghargaan seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), Anugerah Bestari dan Anugerah Khas Rektor diberikan kepada staf berprestasi cemerlang, termasuk yang terlibat dalam program JI&K dan diraikan dalam Majlis Sambutan Hari Inovasi (MSHI) 2023. Pengiktirafan juga dilakukan melalui media sosial dan e-mel rasmi untuk meningkatkan motivasi staf.

Pelaksanaan

UiTMCM telah mengambil langkah strategik untuk meningkatkan kualiti staf dalam menyokong kejayaan JI&K. Antaranya termasuk peningkatan kelayakan akademik dan pengalaman industri staf, pemberian cuti sabbatical untuk terlibat dalam industri, penyediaan latihan dan pembangunan, serta penglibatan dalam aktiviti perundingan bersama industri. Contohnya, program Pemindahan Ilmu dengan komuniti penternak arnab iaitu Ittihad Trading di Felda Bukit Aping Barat dan pengusaha D'Qaseh Grill Kitchen. UiTMCM juga menjalankan inisiatif keusahawanan seperti program Siswapreneur D'Bukit dan juga telah menerima beberapa geran industri, menunjukkan keyakinan industri terhadap potensi penyelidikan dari UiTMCM. Selain itu, melalui MoU dengan International Cyber Security Certified Body (ICSCB), UiTMCM memperluaskan rangkaian untuk meningkatkan kebolehpasaran global dalam bidang keselamatan siber. Langkah-langkah ini mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia dalam menyokong kejayaan JI&K.

Pemantauan

Pengurusan Kanan UiTMCM proaktif dengan mengambil kira kepuasan staf dan maklum balas staf terhadap persekitaran dan sistem kerja. Setiap keputusan dibincangkan dalam mesyuarat untuk memastikan pencapaian objektif. Hasil perbincangan disalurkan ke Mesyuarat Pengurusan (MP) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) untuk tindakan penambahbaikan. Komunikasi terbuka ditekankan oleh Rektor melalui pelbagai platform. Pendekatan komunikasi dua hala melibatkan taklimat, Mesyuarat Bahagian dan Fakulti, serta aktiviti audit. Pengukuran kepuasan staf penting untuk penambahbaikan. Borang kaji selidik dan maklumbalas pelanggan diambil kira untuk penambahbaikan. Hasil kajian menunjukkan tahap kepuasan staf cemerlang. Pengurusan risiko juga dilaksanakan bagi memastikan matlamat JI&K tercapai. Ini melibatkan penambahbaikan risiko kegagalan melaporkan data dan kekurangan staf terlibat dalam aktiviti JI&K dan dikongsikan kepada warga UiTMCM melalui Jerayawara PJI. Pengiktirafan seperti Anugerah Khas Rektor membantu mengurangkan risiko kekurangan staf menjalankan aktiviti JI&K.

Tindakan Penambahbaikan

UiTMCM memfokuskan persekitaran kerja yang kondusif untuk meningkatkan produktiviti staf. Pelbagai program telah dianjurkan seperti Motivasi dan Kesejahteraan Emosi, termasuk *Self-Healing* dan bengkel DSM-5. Program Kesihatan seperti 10K Langkah Lendu *Walk* dan derma darah meningkatkan kesedaran penjagaan kesihatan. Inisiatif keusahawanan seperti

Inkubator Kelulutpreneur telah membantu komuniti asnaf dan B40. Kerjasama industri melalui Program Pemindahan Ilmu (KTP) memberi peluang kepada staf untuk terlibat dalam projek inovatif. Maklum balas staf digunakan untuk penambahbaikan sistem kerja. Usaha ini telah meningkatkan kepakaran, penyelidikan dan inovasi di UiTMCM serta memperkukuh jaringan dengan institusi dan industri dalam serta luar negara melalui MoU/MoA dan persidangan antarabangsa.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENDEKATAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA UiTMCM DALAM MEMACU KEBOLEHPASARAN GLOBAL: JI&K MELALUI SINERGIBERSAMA DAN SINERGITRUST

UiTMCM telah melaksanakan pendekatan pengurusan sumber manusia yang strategik dan holistik untuk memastikan kejayaan inisiatif Sinergibersama dan Sinergitrust dalam memacu Kebolehpasaran Global: JI&K. Pendekatan ini melibatkan pelbagai kaedah pengurusan, penghargaan, dan pengiktirafan kepada staf. Dengan jumlah staf seramai 996 orang yang terdiri daripada 553 (56%) staf akademik (132 orang berkeelayakan PhD) dan 443 (44%) staf pentadbiran, UiTMCM memaksimumkan potensi tenaga kerjanya melalui beberapa kaedah pengurusan ([UiTMCM_5.2a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

KAEDAH PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Penglibatan dan Penyelarasan Unit:

UiTMCM menekankan penglibatan semua staf dalam aktiviti JI&K melalui pembentukan unit di bawah Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJI) seperti ICAN dan MASMED ([UiTMCM_5.2b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)). Unit ini menggerakkan inisiatif strategik dan menyelaraskan khidmat kepakaran serta kemahiran. Staf diberi peranan sebagai penasihat program dan ahli jawatankuasa untuk menyumbang kepada aktiviti melibatkan JI&K, perundingan, khidmat masyarakat dan program motivasi.

Latihan dan Pembangunan Profesional:

UiTMCM memastikan staf menerima latihan berkala untuk meningkatkan profesionalisme. Setiap staf diwajibkan untuk mencapai 42 jam latihan setahun. Notis peringatan dihantar melalui e-mel bagi memastikan pematuhan terhadap syarat ini. Latihan dan webinar yang dianjurkan oleh ICAN dan MASMED melibatkan staf, industri dan komuniti, menyokong peningkatan kompetensi staf dalam bidang tugas mereka. UiTMCM telah berjaya menjalankan beberapa latihan dan webinar melibatkan staf, industri dan komuniti. ([UiTMCM_5.2c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Penilaian Pencapaian Staf:

Key Performance Indicator (KPI) staf dinilai melalui Sasaran Kerja Tahunan (SKT) menggunakan sistem HR2U (staf pentadbiran) dan MyATP (staf Akademik). Penilaian ini dilakukan oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) dan Ketua Bahagian untuk memastikan prestasi staf berada pada tahap terbaik. Contohnya, e-mel peringatan dihantar oleh TR PJI kepada staf akademik berkaitan KPI penerbitan pensyarah.

PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN KEPADA SUMBER MANUSIA

Penghargaan kepada staf yang cemerlang dilakukan melalui pemberian APC, Anugerah Bestari dan Anugerah Khas Rektor. Pada tahun 2023, seramai 80 orang staf telah menerima APC. Selain itu, 8 orang staf akademik dan 21 orang staf pentadbiran turut dinaikkan pangkat ([UiTMCM_5.2d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Majlis Sambutan Hari Inovasi (MSHI) 2023:

UiTMCM mengadakan MSHI 2023 untuk memberikan penghargaan, penganugerahan dan pengiktirafan kepada staf yang telah menyumbang dalam kejayaan UiTMCM. Antara anugerah dan penghargaan yang diberikan adalah Pasukan Juraudit Dalam, Pasukan Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC), Pasukan KIK dan OE, Jawatankuasa/ Area Heads SRR, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022, Anugerah Bestari 2023 serta Anugerah dan Penghargaan Khas Rektor 2023. MSHI 2023 juga merupakan kaedah UiTMCM menghargai

sumbangan staf dalam memajukan PI kampus ([UiTMCM 5.2e Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)). Staf yang terlibat dalam program JI&K turut diberi pengiktirafan untuk meningkatkan motivasi staf. Ini kerana melalui pelbagai program JI&K, UiTMCM telah mencapai peningkatan yang signifikan dalam pencapaian PI kampus.

Penghargaan Melalui Media Sosial dan e-mel Rasmi:

Pengiktirafan turut diberikan melalui media sosial rasmi UiTMCM seperti Facebook dan e-mel rasmi. Ini termasuk pengumuman pencapaian dan sumbangan staf dalam pelbagai program.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_S01_SB02_20241_UiTMCM_5.2a_tumpuan kepada sumber manusia .docx.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB02_20242_UiTMCM_5.2b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB02_20243_UiTMCM_5.2c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB02_20244_UiTMCM_5.2d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB02_20245_UiTMCM_5.2e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCM mengambil pelbagai langkah bagi mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman staf bagi menjayakan JI&K. Antaranya:

Peningkatan Kelayakan dan Kompetensi Staf:

Pada tahun 2023, UiTMCM mempunyai 33 staf dengan pengalaman industri dan 34 staf berkelayakan profesional, memastikan terdapat kepakaran langsung dari industri dalam pelaksanaan projek berkaitan JI&K ([UiTMCM_5.3a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Penglibatan dalam Aktiviti Perundingan:

- UiTMCM menggalakkan staf terlibat sebagai pakar runding kepada industri. Contohnya, penglibatan staf dalam Program Pemindahan Ilmu (KTP) bersama komuniti penternak arnab iaitu Ittihad Trading di Felda Bukit Aping Barat dan pengusaha D'Qaseh Grill Kitchen. Sebanyak 4 sesi perkongsian ilmu dan khidmat runding telah dikendalikan oleh pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP) kepada penduduk Felda. Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pendidikan Tinggi menyambut baik usaha UiTMCM dalam social entrepreneurship untuk mempergiatkan ekonomi masyarakat tempatan ([UiTMCM_5.3b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).
- Melalui projek 'Inkubator Kelulutpreneur', kolaborasi antara UiTMCM, Yayasan TM dan Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah memperkukuhkan pengetahuan dan kepakaran staf dalam memperkasakan sosio-ekonomi komuniti asnaf dan B40 di Melaka melalui penternakan lebah kelulut. Pada 2023, UiTMCM mencatatkan nilai perundingan sebanyak RM42,850.81, menunjukkan komitmen staf dalam menyumbang kepakaran kepada industri ([UiTMCM_5.3c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Inisiatif Keusahawanan & Penerimaan Geran Industri:

- UiTMCM melaksanakan inisiatif seperti Siswapreneur D'Bukit dimana staf melatih pelajar kemahiran keusahawanan dan memupuk inovasi di kalangan staf.
- Penerimaan geran RM8,000 dari Good Virtue and Co. menunjukkan keyakinan industri terhadap penyelidik UiTMCM, memberikan sumber kewangan tambahan dan membuka ruang kolaborasi lebih lanjut antara UiTMCM dan industri.
- UiTMCM memperluaskan ekosistem keusahawanan melalui penubuhan inkubator dengan kerjasama rakan industri dan penerimaan geran penyelidikan RM241,000.00 melalui projek keusahawanan kelulut. Pengurusan UiTMCM mengoptimalkan kepakaran staf dengan menjadikan penyelidikan sebagai hasil kolaborasi antara UiTMCM dan industri ([UiTMCM_5.3d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Penglibatan & Kerjasama dalam Jaringan Industri:

- UiTMCM memperluas rangkaian melalui MoU bersama International Cyber Security Certified Body (ICSCB). Melalui MoU ini, UiTMCM mendapat akses kepada kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang keselamatan siber. Ini membuka peluang staf untuk terlibat dalam penyelidikan bersama, latihan profesional dan peningkatan kemahiran melalui perkongsian kepakaran dari ICSCB.
- Melalui penganjuran The 8th Southeast Asia International Philanthropy Conference 2023 (SEAIPC 2023), UiTMCM menjalin kerjasama dengan pelbagai institusi dan industri seperti Business Development & Research Business Events (BE) Sarawak, WMIT Group Sdn Bhd, Institut Manajemen Zakat (IMZ), Universitas Airlangga (UNAIR) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Melalui kerjasama ini, staf UiTMCM berpeluang untuk meluaskan rangkaian

industri dan memperkukuhkan kepakaran mereka dalam bidang yang berkaitan.

- Penganjuran Program Lendu Berselawat 2023 memperluas kepakaran dan jaringan industri staf. Program ini disenaraikan dalam Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi penyertaan teramai dalam himpunan berselawat peringkat institut pengajian tinggi. Penglibatan komuniti setempat dan institusi seperti Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM), Universiti Melaka (UNIMEL) dan Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) membolehkan staf berinteraksi dengan masyarakat dan pakar dari pelbagai bidang, meningkatkan profesionalisma mereka. Program yang disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Ali Mohd Rustam serta penglibatan ulama tersohor antaranya Syeikh Abd Razak Al Masri telah membuka peluang staf untuk memperluas jaringan dalam kalangan pemimpin ([UiTMCM 5.3e Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB03_20241_UiTMCM_5.3a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB03_20242_UiTMCM_5.3b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB03_20243_UiTMCM_5.3c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB03_20244_UiTMCM_5.3d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB03_20245_UiTMCM_5.3e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

KEPUASAN HATI DAN MAKLUM BALAS SUMBER MANUSIA TERHADAP PERSEKITARAN DAN SISTEM KERJA

Pengurusan Kanan menilai tahap kepuasan hati staf melalui dua kaedah utama iaitu melalui mesyuarat dan borang maklum balas. Misalnya, UiTMCM mengadakan mesyuarat akademik sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk mendengar pandangan dan keluhan para pensyarah berkaitan isu pensyarah. Hasil maklum balas dari mesyuarat akademik yang memerlukan penambahbaikan, disalurkan ke dalam Mesyuarat Pengurusan (MP) di setiap kampus dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) untuk pelaksanaan tindakan yang sesuai ([UiTMCM_5.4.1a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)). Bagi memastikan segala perancangan atau tindakan dilakukan dengan berkesan, sebarang keputusan yang dibuat disampaikan dengan jelas dan tepat. Rektor UiTMCM, dalam amanatnya menegaskan pentingnya komunikasi terbuka melalui pelbagai platform. Komunikasi yang efektif di dalam organisasi adalah penting untuk memastikan kepuasan kerja staf, maka komunikasi dua hala digunakan untuk memastikan penyampaian maklumat yang tepat dan pantas. Pendekatan komunikasi dua hala UiTMCM melibatkan pelbagai medium seperti taklimat, Mesyuarat Staf, Bahagian dan Fakulti, serta aktiviti audit ([UiTMCM_5.4.1b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Pemantauan dan pengukuran kepuasan staf terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh pihak pengurusan adalah penting untuk memastikan penambahbaikan yang sewajarnya. Misalnya borang kaji selidik dan maklumbalas pelanggan telah di-e-mel kepada staf untuk mendapatkan maklum balas terhadap keperluan kursus/bengkel yang diperlukan oleh staf akademik serta cadangan penambahbaikan mutu perkhidmatan yang disediakan oleh BPJL. Selain itu, maklumbalas peserta terhadap bengkel dan latihan anjuran bahagian/ unit/ fakulti UiTMCM juga diambil kira dan diukur setiap kali program berakhir ([UiTMCM_5.4.1c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)). Hasil kajian kepuasan hati pelanggan yang dijalankan terhadap perkhidmatan UiTMCM menunjukkan tahap kepuasan hati staf berada pada tahap yang cemerlang ([UiTMCM_5.4.1d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Berdasarkan kajian Indeks Kegembiraan UiTMCM 2023, tahap kepuasan staf terhadap persekitaran dan sistem kerja adalah baik, dengan indeks kegembiraan keseluruhan 72%. Kepuasan terhadap sub-domain Keterlibatan dan Pencapaian masing-masing mencatatkan 70% dan 73%. Ini menandakan staf dapat melibatkan diri dengan baik dalam tugas mereka dan berpuas hati dengan pencapaian serta peluang yang disediakan seperti pengagihan kerja, pengiktirafan dan peluang kenaikan pangkat. Ini disokong oleh hubungan yang baik antara Pengurusan Kanan dan staf dalam mewujudkan budaya kerja yang positif ([UiTMCM_5.4.1e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_S01_SB04_SC01_20241_UiTMCM_5.4.1a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia edited.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB04_SC01_20242_UiTMCM_5.4.1b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB04_SC01_20243_UiTMCM_5.4.1c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
4. [K0062_S01_SB04_SC01_20244_UiTMCM_5.4.1d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB04_SC01_20245_UiTMCM_5.4.1e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam pengurusan sumber manusia, pengurusan risiko yang dilaksanakan bagi memastikan operasi berjalan lancar dan mencapai matlamat JI&K adalah:

Risiko 1: Risiko pelaporan data yang tidak lengkap dan tidak dipantau menyebabkan projek tidak dapat didaftarkan dalam sistem SMART.

- **Punca Risiko:** Staf kurang diberikan pendedahan berkaitan format dan tatacara pelaporan dalam sistem SMART.
- **Tindakan pencegahan:** Menyediakan sijil penghargaan kepada penasihat/ ketua atau person-in-charge projek yang telah melaporkan aktiviti tersebut melalui sistem SMART, Nilams dan PRIME Star Rating dengan lengkap ([UiTMCM 5.4.2a Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)). Semua tugas pemantauan oleh penyelarasan dan markah bagi LNPT diminitkan dalam Mesyuarat BPJI bagi memastikan pemantauan pelaporan data dilakukan pada setiap bulan untuk mencapai PI JI&K UiTMCM.

Risiko 2: Kekurangan Sumber Manusia dalam JI&K:

- **Punca Risiko:** Bebanan tugas syarahan dan penyelidikan mempengaruhi minat dan tumpuan pensyarah dalam JI&K. Secara purata bebanan syarahan adalah 15-18 jam seminggu. Disamping itu, kekurangan dana kewangan untuk JI&K ini juga mempengaruhi minat staf dalam menjalankan aktiviti JI&K.
- **Tindakan Pencegahan:** Pengiktirafan dan penghargaan seperti Anugerah Khas Rektor dan Anugerah Bestari 2023 membantu mengenal pasti usaha-usaha terbaik dan memberi galakan kepada pencapaian yang cemerlang dalam mengurangkan risiko kekurangan staf yang berminat dalam melaksanakan JI&K serta meningkatkan prestasi UiTMCM ([UiTMCM 5.4.2b Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)). Dengan pelbagai projek dan inisiatif bersama industri, kebergantungan terhadap satu sumber pendapatan atau projek dapat dikurangkan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB04_SC02_20241_UiTMCM_5.4.2a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB04_SC02_20242_UiTMCM_5.4.2b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx \(1\).pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

TINDAKAN BAGI MEMASTIKAN PERSEKITARAN KERJA DAN SISTEM KERJA YANG KONDUSIF

UiTMCM sentiasa memberi penekanan terhadap persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi melancarkan tugas setiap staf. Antaranya adalah:

Program Motivasi dan Kesejahteraan Emosi:

UiTMCM telah menganjurkan pelbagai program seperti program “Self-Healing” – Kendali Stres, Hidup Tenang, Produktiviti Meningkatkan, Bengkel Pemantapan Kemahiran Pengendalian Kes Penyakit Mental: Diagnostic & Statistical Manual of Mental Disorder - 5 (DSM - 5), serta program pemulihan rohani seperti Ceramah Agama bulanan, e-Majlis Bacaan Yaasin dan Kahfi, Program Lendu Berselawat 2023 dan juga program khatam tadarus al-quran untuk meningkatkan kestabilan emosi staf ([UiTMCM_5.4.3a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Program Kesihatan dan Kebajikan:

UiTMCM telah menganjurkan program 10K Langkah Lendu Walk, Program Gegar 10 ribu Langkah Merdeka 2023, Alumni Fun Run “Run for the memories” dan juga program derma darah dengan kerjasama Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Melaka untuk memupuk hubungan dengan agensi luar dan meningkatkan kesedaran kesihatan di kalangan staf ([UiTMCM_5.4.3b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Inisiatif Keusahawanan Lestari dan Projek Jaringan In-Fac:

Melalui inisiatif projek keusahawanan, UiTMCM memastikan hubungan erat dengan komuniti asnaf dan B40 di Negeri Melaka dan industri seperti Yayasan TM menerusi aktiviti penternakan lebah kelulut dan penubuhan inkubator Kelulutpreneur. Ini membantu membangunkan ekosistem keusahawanan yang lestari dan memberi peluang kepada staf untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan ([UiTMCM_5.4.3c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)). UiTMCM juga menjalin hubungan dengan industri tempatan dan antarabangsa melalui program seperti Program Pindahan Ilmu (KTP) bersama komuniti penternak arnab iaitu Ittihad Trading di Felda Bukit Aping Barat dan pengusaha D’Qaseh Grill Kitchen. Ini memberi peluang kepada staf dan pelajar untuk terlibat dalam projek inovatif dan meningkatkan visibiliti UiTMCM di peringkat tempatan dan antarabangsa ([UiTMCM_5.4.3d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

Maklum Balas dan Tindakan Pembetulan:

Pengurusan Kanan UiTMCM memberi penekanan kepada maklum balas staf mengenai proses kerja dan isu-isu lain. Dengan mengadakan perjumpaan dan mengambil tindakan berdasarkan maklum balas, Pengurusan Kanan UiTMCM memastikan penambahbaikan berterusan berlaku dalam proses kerja. Antara kaedah maklum balas adalah seperti perjumpaan secara terus Pengurusan Kanan UiTMCM bersama staf antaranya melalui Mesyuarat Staf dan tindakan diambil daripada dapatan maklum balas yang diterima ([UiTMCM_5.4.3e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB04_SC03_20241_UiTMCM_5.4.3a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB04_SC03_20242_UiTMCM_5.4.3b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
3. [K0062_S01_SB04_SC03_20243_UiTMCM_5.4.3c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

4. [K0062_S01_SB04_SC03_20244_UiTMCM_5.4.3d_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
5. [K0062_S01_SB04_SC03_20245_UiTMCM_5.4.3e_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan JI&K adalah sangat signifikan. Pengurusan sumber manusia UiTMCM telah memainkan peranan penting dalam mentadbir urus staf dengan baik demi menjayakan JI&K. Melalui kerjasama yang kukuh melalui JI&K dengan agensi luar, badan professional, korporat, komuniti, dan masyarakat, sebuah budaya sinergibersama dan sinergitrust telah berkembang di kalangan warga UiTMCM.

Budaya sinergibersama dan sinergitrust ini memberi impak yang ketara dalam beberapa aspek.

1. Peningkatan yang ketara dari segi kepakaran, penyelidikan, keusahawanan, dan inovasi. Ini ditunjukkan melalui wujudnya kepercayaan dan peluang kolaborasi di antara UiTMCM dengan rakan strategik, contohnya penganjuran persidangan di peringkat antarabangsa seperti The 8th Southeast Asia International Philanthropy Conference 2023 (SEAIPC 2023). SEAIPC 2023 menyaksikan kolaborasi industri dari pelbagai institusi antarabangsa seperti Institut Manajemen Zakat (IMZ), Jakarta, Indonesia; Ibnu Umami Maktum, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Universitas Airlangga (UNAIR) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL). Ini menunjukkan bahawa terdapat pembudayaan yang kuat dalam membentuk jaringan dan kolaborasi antarabangsa yang kukuh. Dengan penyertaan dari pelbagai institusi dan penyelidik, serta pembentangan yang melibatkan 93 pembentangan fizikal dan 70 dalam talian, terdapat peningkatan budaya penyelidikan dan inovasi yang dipupuk di kalangan staf. Ini juga menunjukkan keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam menggalakkan lebih banyak kajian dan inovasi dalam bidang keusahawanan dan jaringan industri ([UiTMCM_5.5a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).
2. Peningkatan kualiti dan produktiviti warga UiTMCM melalui budaya sinergibersama dan sinergitrust juga telah mewujudkan jaringan industri dan kerjasama strategik di antara UiTMCM dengan institusi dalam dan luar negara melalui MoU/MoA. Contohnya, MoU antara UiTMCM dan International Cyber Security Certified Body (ICSCB) menekankan pentingnya kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan modul kursus keselamatan siber. Melalui kerjasama ini, UiTMCM dapat memanfaatkan kepakaran ICSCB dalam bidang keselamatan siber untuk memperkenalkan modul kursus yang relevan dan terkini. Selain itu, permohonan geran kerajaan dan industri bersama meningkatkan peluang mendapatkan dana untuk penyelidikan yang berterusan ([UiTMCM_5.5b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).
3. Dengan inisiatif seperti Program Siswapreneur D'Bukit, Projek keusahawanan sosial bersama Goods Virtue Co., Projek Jaringan (In-Fac), dan Keusahawanan Lestari, UiTMCM telah membina pangkalan yang kukuh bagi pertumbuhan ekosistem keusahawanan dan jaringan industri. Ini memberi kesan yang positif terhadap pembudayaan dalam organisasi dan komuniti setempat serta antarabangsa.
4. Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan dalam jaringan industri juga dapat dilihat melalui pengiktirafan dan penghargaan seperti pengurniaan Pingat Jasa Kebaktian (P.J.K.) dan Anugerah Seni dan Budaya (ASBN) yang telah diterima oleh Encik Mohd Hatta Mohd Yatim. Kejayaan ini telah membawa kepada peningkatan sokongan dan perhatian terhadap industri seni dan budaya, serta meningkatkan kesedaran masyarakat tentang nilai dan pentingnya bidang tersebut dalam pembangunan sosial dan ekonomi. Ini berpotensi untuk mencetuskan lebih banyak inisiatif, kolaborasi dan peluang dalam industri. Selain itu, pengurniaan Bintang Khidmat Terpuji kepada Encik Abu Zaireen Abu Hassan sempena Sambutan Hari Jadi ke-74 Yang di-Pertua Negeri Melaka juga telah memberi dorongan kepada staf lain untuk turut berusaha dan meningkatkan kualiti dan kecekapan dalam bidang masing-masing ([UiTMCM_5.5c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_S01_SB05_20241_UiTMCM_5.5a_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
2. [K0062_S01_SB05_20242_UiTMCM_5.5b_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)

-
3. [K0062_S01_SB05_20243_UiTMCM_5.5c_Tumpuan Kepada Sumber Manusia.docx.pdf](#)
 - 4.
 - 5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Ringkasan Eksekutif

Dalam mewujudkan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam Memacu Kebolehpasaran Global: Jaringan Industri dan Keusahawanan**, Pengurusan Kanan UiTMCM sentiasa komited bagi usaha yang berterusan dalam menggalakkan warga untuk menjalankan aktiviti-aktiviti jaringan bersama industri dan keusahawanan dengan baik dan efektif.

Perancangan

Perancangan sesuatu projek melibatkan jaringan industri dan keusahawanan UiTMCM dibuat melalui penyediaan kertas kerja yang diluluskan didalam mesyuarat yang dijalankan secara berkala. Perancangan projek JI&K selari dengan objektif dan inisiatif strategik yang menyokong aspirasi Universiti, KPT dan keperluan industri dengan memfokuskan kepada 2 Objektif Strategik (OS) iaitu OS4: Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global di bawah Program Keusahawanan Bestari dan OS8: Memperkasa jaringan strategik bersama industri di bawah program InFac..

Pelaksanaan

Pelaksanaan projek dijalankan mengikut perancangan yang telah dirancang mengikut prosedur kerja yang telah ditetapkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJI). Pendekatan model PDCA (Plan, Do, Check, Action) diambil dan digunapakai di dalam proses kerja utama sebagai penambahbaikan berterusan bagi projek dan aktiviti yang dirancang.

Pemantauan

Pemantauan dibuat secara berkala melalui laporan-laporan yang dibentangkan di dalam mesyuarat dan senarai tugas yang dibuat secara terperinci. Laporan program Inkubator Keusahawanan UiTMCM dibentang dan dibincang di dalam mesyuarat. Laporan penyata kedudukan kewangan, laporan penyata aktiviti waqaf dan laporan penyata aliran tunai turut dibentang kepada ahli mesyuarat dan hasil dari inisiatif strategik JI&K dapat melonjakkan hasil seperti peningkatan bilangan MoU/MoA di peringkat kampus, pencapaian peningkatan bilangan kebolehpasaran graduan dan pencapaian peratusan usahawan pelajar dapat dicapai.

Tindakan Penambahbaikan

Pengurusan Kanan UiTMCM melalui BPJI sentiasa menitikberatkan aspek penambahbaikan dan pembaharuan untuk memastikan kualiti yang terbaik dalam aspek pengurusan operasi Jaringan Industri dan Keusahawanan kampus. Kajian maklum balas dan anugerah pelapor data diwujudkan bagi menambah baik operasi JI&K.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMCM memastikan perancangan projek JI&K selari dengan objektif dan inisiatif strategik yang menyokong aspirasi Universiti, KPT dan keperluan industri dengan memfokuskan kepada **2 Objektif Strategik (OS)** iaitu **OS4** dan **OS8**. Dua proses utama iaitu **Proses Jaringan Industri** dan **Proses Penjanaaan Pendapatan dan Keusahawanan** telah dikenalpasti bagi menyokong kepada pencapaian objektif strategik dan pelaksanaan JI&K yang berdasarkan kepada prosedur operasi BPJI UiTMCM ([UiTMCM_6.2a_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

Bagi proses jaringan industri, PS UiTMCM selari dengan Teras Strategik 3 (TS3): Kompetensi Global menjurus kepada Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni bagi mencapai Indikator Prestasi Utama (KPI) KPI3: Peratus Kebolehpasaran Graduan. Ini selari dengan Objektif Strategik 8 (OS8); Memperkasa jaringan strategik bersama industri di bawah program InFac. Pengurusan Kanan UiTMCM komited merangsang hubungan strategik bersama industri menerusi perkongsian ilmu dan kepakaran, serta aktiviti kemasyarakatan. Garis Panduan dan Polisi Jaringan Industri UiTM serta Pekeliling Pengurusan Memorandum Persetujuan (MOA) merupakan dokumen rujukan utama bagi menjalankan projek jaringan industri ([UiTMCM_6.2b_Tumpuan Kepada Operasi](#), [UiTMCM_6.2c_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

Proses ini terbahagi kepada proses perancangan dan permohonan. Proses perancangan ini dimulai dengan mengenalpasti pihak industri yang bersesuaian dengan program akademik yang ditawarkan oleh UiTMCM, dan mengetahui jenis dan mekanisma kerjasama untuk dikelaskan sebagai projek penglibatan atau projek berimpak. PTJ yang dilantik akan menyediakan kertas kerja serta MOU/MOA dengan perincian usahasama bersama pihak terlibat. Permohonan dan draf memorandum dihantar ke Pejabat Penasihat Undang-Undang (PPUU) untuk semakan. Draf yang telah disemak bersama ulasan PPUU dihantar ke MEU/LPU untuk kelulusan. Salinan draf yang telah diluluskan akan dihantar ke PPUU, ICAN dan UiTM GLOBAL. Proses diteruskan dengan menandatangani MOU/MOA antara UiTMCM dan bersama pihak industri terlibat. Akhir sekali MOU/MOA yang lengkap ditandatangani perlu dimuatnaik ke dalam system NILAMs dalam masa 7 hari ([UiTMCM_6.2d_Tumpuan Kepada Operasi](#)). Status perjalanan projek perlu dihantar kepada ICAN menggunakan sistem SMART 4 kali setahun bagi tujuan pemantauan. Laporan yang dihantar akan dimaklumkan dalam Jawatankuasa Induk Jaringan Universiti (JKIJU), bagi pelaporan KPI dan makluman dalam Mesyuarat Eksekutif.

Bagi jaringan keusahawanan, PS UiTMCM fokus mencapai KPI4: Peratus Usahawan Graduan di bawah TS1: Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. Ini bagi melaksanakan OS4: Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global. Di bawah Program Keusahawanan Bestari, PS UiTMCM fokus mencapai PI berkaitan keusahawanan dan penjanaaan pendapatan. Pengurusan Kanan UiTMCM bertekad untuk menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan melalui perkongsian dan pemindahan ilmu serta kesukarelawan yang berbentuk bantuan dari segi kewangan, peralatan, tenaga dan juga kepakaran. Secara amnya, proses ini dibahagikan kepada 5 peringkat. Dimulakan dengan penyediaan kertas cadangan diatas permintaan perkhidmatan atau permintaan pihak ketiga (pelanggan), serta mengenalpasti kadar harga bagi aktiviti penjanaaan tersebut. Peringkat kedua melibatkan pembentangan kertas cadangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penjanaaan Pendapatan bagi mendapatkan kelulusan. Seterusnya, draf MoU/MoA disediakan dan dihantar ke Pejabat Penasihat Undang Undang UiTMCM untuk semakan dan pengesahan. Setelah selesai peringkat ini, projek boleh dijalankan seperti yang dirancang. Peringkat ke 4 adalah proses penerimaan dan perekodan pendapatan yang mematuhi tatacara terimaan yang telah ditetapkan. Pemantauan dan pelaporan aktiviti penjanaaan dilakukan bagi menilai prestasi keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan ([UiTMCM_6.2e_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_O01_OB02_20241_UiTMCM_6.2a_Tumpuan Kepada Operasi edited.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB02_20242_UiTMCM_6.2b_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB02_20243_UiTMCM_6.2c_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB02_20244_UiTMCM_6.2d_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
5. [K0062_O01_OB02_20245_UiTMCM_6.2e_Tumpuan Kepada Operasi edited.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCM menggunakan pendekatan model PDCA (Plan, Do, Check, Action) di dalam proses kerja utama sebagai penambahbaikan berterusan bagi projek dan aktiviti yang dirancang di bawah JI&K.

Proses perluasan dijalankan dengan penurunan petunjuk prestasi kepada setiap bahagian melalui perancangan strategik UiTMCM yang disampaikan melalui majlis amanat rektor yang dihadiri oleh semua warga UiTMCM, kemudian diteruskan diperingkat fakulti dan unit melalui mesyuarat fakulti.

Bagi mencapai OS8, **Projek Knowledge Transfer Program (KTP) 3 Rakan MoU Indonesia; Leather Crafter, Hobi Kayu dan Komunitas Tangan di Atas (TDA)** telah dijalankan selama 3 hari yang menasaskan perkongsian ilmu dan kepakaran bagi meningkatkan jualan dan keuntungan peniaga SME bagi 3 industri ini di Padang, Indonesia **(P)**. Pendekatan SWOT analisis digunakan, dimana setiap peserta membentangkan kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran dalam perniagaan mereka. Solusi kepada masalah dan perancangan strategik dibincangkan bagi meningkatkan hasil jualan dan pendapatan. **(D)**. Pensyarah UiTMCM bertindak sebagai fasilitator, memberikan strategi penyelesaian masalah bagi setiap industri. Semua peserta menunjukkan pemahaman yang lebih jelas mengenai perancangan, tindakan dan hala tuju perniagaan masing-masing **(C)**. Program ini akan diteruskan secara atas talian pada tahun 2024 bagi memantau perkembangan perniagaan peserta serta peluang pemasaran beberapa produk ke Malaysia **(A)** ([UiTMCM_6.3a_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

Pengurusan Kanan UiTMCM juga aktif dalam menjalankan projek keusahawanan (OS4).

Projek Ittihad Trading bersama Perunding UiTMCM iaitu Program KTP Bersama Komuniti Penternak Arnab di Felda Aping Barat merupakan program berimpak tinggi bagi membantu pembangunan perniagaan dan kunikulturindustri di Malaysia. Perbincangan UiTMCM dengan pihak ITTIHAD bermula pada 2021, diikuti kajian pasaran, permohonan geran dan menandatangani MOU pada 2022 **(P)**. Pada 2022, sesi perkongsian ilmu dan kepakaran dalam menentukan pelan strategik penjenamaan dan pemasaran produk D'Qaseh dijalankan, sehingga berjaya dipasarkan di Aeon seluruh Malaysia. Pada 2023, bengkel penambahbaikan *packaging* dan pembinaan akaun sosial media D'Qaseh dijalankan. ITTIHAD telah berjaya membuka 3 premis makanan D'Qaseh grill di sekitar Johor, serta kilang D'Qaseh di Iskandar Halal Park, Johor **(D)**. Packaging yang baru telah menjadikan produk D'Qaseh standing produk lain di pasaran. Akaun media sosial yang dibangunkan berjaya mempromosikan produk D'Qaseh dengan lebih efektif **(C)**([UiTMCM_6.3b_Tumpuan Kepada Operasi](#)). Usahasama ini diteruskan dengan perancangan strategik 2023-2025 yang melibatkan usaha mendapatkan pensijilan Halal JAKIM, serta kolaborasi penyelidikan dan penerbitan **(A)** ([UiTMCM_6.3c_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

Projek Inkubator KelulutPreneur UiTMCM juga merupakan projek berimpak tinggi yang melibatkan pakar kelulut dari UiTMCM, Yayasan Telekom Malaysia dan Komuniti B40 sekitar Lendu, Alor Gajah. Projek ini berjaya memperolehi Geran Private dari Yayasan Telekom Malaysia sebanyak RM 241,000. Seramai 22 peserta telah menandatangani surat perjanjian komitmen sepanjang program **(P)**. Setiap peserta diberikan log kelulut yang ditempatkan di Desa Kelulut, UiTMCM serta keperluan peralatan yang lengkap. Latihan dan bengkel proses pengurusan kelulut diberikan selama 5 hari **(D)**. Fasilitator (pensyarah UiTMCM) ditugaskan membantu dan menilai perkembangan dan hasil secara konsisten setiap bulan. Sistem HILDA dan KEIFh scale digunakan bagi memastikan kualiti dan ketulenan madu yang dihasilkan **(C)**. Setelah mendapat hasil yang berkualiti, peserta diberikan beberapa siri kursus untuk meningkatkan hasil madu dan memasarkan madu mereka secara atas talian **(A)**. ([UiTMCM_6.3d_Tumpuan Kepada Operasi](#))

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB03_20241_UiTMCM_6.3a_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB03_20242_UiTMCM_6.3b_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB03_20243_UiTMCM_6.3c_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB03_20244_UiTMCM_6.3d_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan operasi **Jaringan Industri dan Keusahawanan** berada pada tahap yang optimum selari dengan nilai Sinergibersama dan Sinergitrust dalam Memacu Kebolehpasaran Global: Jaringan Industri dan Keusahawanan, Pengurusan Kanan UiTMCM menerusi BPJI menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan bagi memantau inisiatif-inisiatif universiti yang dijalankan. Pemantauan terhadap setiap inisiatif jaringan industri yang dijalankan dibuat secara berkala melalui Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri ([UiTMCM_6.4.1a_Tumpuan Kepada Operasi](#)) dimana laporan JI&K dibentang dan dibincang di dalam mesyuarat yang dijalankan sebanyak tiga kali setahun. Hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan bagi menjamin kelestarian pencapaian adalah selari dengan objektif strategik OS8. Melalui platform-platform pemantauan seperti mesyuarat MKSP/MPHEA/MPKAG/MPKBM/MPKJM yang dijalankan, data berkenaan jaringan industri, dan laporan MoU/MoA diambil dari sistem SMART dan dilapor bagi mendapat maklumbalas ahli mesyuarat yang hadir. Bagi inisiatif keusahawanan yang dijalankan, pemantauan juga dibuat secara berkala dimana laporan program inkubator keusahawanan UiTMCM dibentang dan dibincang di dalam mesyuarat Jawatankuasa Endowmen Negeri ([UiTMCM_6.4.1b_Tumpuan Kepada Operasi](#)). Melalui mesyuarat ini, laporan penyata kedudukan kewangan, laporan penyata aktiviti waqaf dan laporan penyata aliran tunai turut dibentang kepada ahli mesyuarat secara terperinci. Melalui proses-proses utama yang terlibat di dalam prosedur JI&K, hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik JI&K dapat melonjakkan hasil seperti peningkatan bilangan MoU/MoA di peringkat kampus, pencapaian peningkatan bilangan kebolehpasaran graduan ([UiTMCM_6.4.1c_Tumpuan Kepada Operasi](#)) dan pencapaian peratusan usahawan pelajar dapat dicapai ([UiTMCM_6.4.1d_Tumpuan Kepada Operasi](#)) dan ini adalah selari dengan OS4 iaitu menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global.

SENARAI BUKTI:

1. [K0062_O01_OB04_OC01_20241_UiTMCM_6.4.1a_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB04_OC01_20242_UiTMCM_6.4.1b_Tumpuan Kepada Operasi edited.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB04_OC01_20243_UiTMCM_6.4.1c_Tumpuan Kepada Operasi edited1.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB04_OC01_20244_UiTMCM_6.4.1d_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCM memandang serius dalam memastikan pengurusan risiko terus diberikan penekanan dalam setiap pengurusan operasi agar objektif kualiti dapat dicapai pada tahap optimum. Bagi mencapai OS4 dan OS8, UiTMCM telah melaksanakan pengurusan risiko yang terlibat didalam pengurusan operasi JI&K bagi memantapkan operasi dan mencapai matlamat JI&K.

Risiko 1: Risiko Operasi - kekurangan proses penyebarnya yang berkesan, kekurangan pelaporan aktiviti dan maklumat-maklumat penting yang tidak lengkap di dalam sistem PRIME dan SMART.

Tindakan Pencegahan: BPJI menghasilkan template pelaporan mengikut keperluan data PRIME - Star Rating. Ini bagi memudahkan urusan kemasukan data oleh ketua atau penasihat projek komuniti ke dalam sistem tersebut. Email secara berkala untuk memberi kesedaran, helpdesk dalam bentuk WhatsApp group dan pemantauan pencapaian PI pada setiap bulan ([UiTMCM_6.4.2a_Tumpuan Kepada Operasi](#)). Bengkel hands-on pendaftaran projek turut disediakan bagi membantu pelapor terlibat ([UiTMCM_6.4.2b_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

Risiko 2: Risiko Projek - kelewatan penerimaan kertas kerja dan permohonan yang tidak lengkap.

Tindakan Pencegahan: Bagi proses yang melibatkan aktiviti jaringan industri, beberapa langkah dan proses pengurusan risiko dilaksanakan seperti mewujudkan e-mel ICAN Melaka dan menyediakan Google Form ([UiTMCM_6.4.2c_Tumpuan Kepada Operasi](#)) bagi tujuan membolehkan ketua projek bagi setiap inisiatif-inisiatif yang dijalankan memuat naik segala maklumat data yang diperlukan dalam sistem SMART. Selain itu, pihak BPJI juga mewujudkan QR kod bagi pelaporan PI ICAN bagi memudahkan pemohon ([UiTMCM_6.4.2d_Tumpuan Kepada Operasi](#)) dan akan menghubungi ketua projek bagi inisiatif terlibat untuk mendapatkan maklumat atau data yang lengkap bagi melancarkan proses penghantaran maklumat ke dalam sistem SMART.

Risiko 3: Risiko Strategik – Pemilik geran tidak memenuhi MoA yang telah dipersetujui bersama pihak yang memberikan dana.

Tindakan Pencegahan: BPJI menyediakan pautan link berkenaan dengan tatacara dan templat berkaitan proses permohonan dan penyelesaian masalah secara berkala. Tindakan pencegahan ini dapat membantu proses dan pemantauan terhadap MoU/MoA yang dijalankan ([UiTMCM_6.4.2e_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB04_OC02_20241_UiTMCM_6.4.2a_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB04_OC02_20242_UiTMCM_6.4.2b_Tumpuan Kepada Operasi edited.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB04_OC02_20243_UiTMCM_6.4.2c_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
4. [K0062_O01_OB04_OC02_20244_UiTMCM_6.4.2d_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
5. [K0062_O01_OB04_OC02_20245_UiTMCM_6.4.2e_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCM komited dalam memastikan segala inisiatif-inisiatif JI&K dapat diuruskan dengan baik seiring dengan nilai Sinergibersama dan Sinergitrust dalam Memacu Kebolehpasaran Global: Jaringan Industri dan Keusahawanan.

Berdasarkan hasil penganalisan tumpuan operasi JI&K, beberapa tindakan penambahbaikan dijalankan bagi melancarkan inisiatif-inisiatif yang dijalankan. Antara tindakan penambahbaikan adalah dengan mewujudkan kajian maklum balas pelanggan dimana isu-isu berkaitan JI&K direkod dan dibentang di dalam mesyuarat untuk mendapat kata putus berkenaan tindakan yang perlu diambil. Berdasarkan laporan kajian kepuasan pelanggan yang diterima, UiTMCM mengambil maklum dan mengatasi masalah yang berkaitan ([UiTMCM_6.4.3a_Tumpuan Kepada Operasi](#)). Selain itu, anugerah pelapor data PI BPJI 2023 turut diwujudkan sebagai galakan dalam menambahbaik operasi JI&K. Usaha yang berterusan dari BPJI dapat menjamin mutu kerja yang baik dan dapat memudahkan urusan pelanggan sekaligus dapat mewujudkan budaya kerja yang lebih efisien ([UiTMCM_6.4.3b_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

Tindakan penambahbaikan turut dijalankan melalui proses Pelaporan Aktiviti Jaringan Industri. Pendekatan model PDCA digunapakai di dalam tindakan penambahbaikan. Melalui Jerayawara Maya BPJI 2023 yang dijalankan, beberapa projek dilaksanakan dibawah JI&K, seterusnya, pelaporan projek JI&K dibuat kepada Koordinator Jaringan Industri, Komuniti Dan Alumni (ICAN) dan projek berimpak tinggi dinobatkan dalam Anugerah Bestari 2023 ([UiTMCM_6.4.3c_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB04_OC03_20241_UiTMCM_6.4.3a_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB04_OC03_20242_UiTMCM_6.4.3b_Tumpuan Kepada Operasi edited.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB04_OC03_20243_UiTMCM_6.4.3c_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan bagi bidang tumpuan berada pada tahap yang optimum. Pengurusan Kanan UiTMCM melalui BPJI sentiasa menitikberatkan aspek penambahbaikan dan pembaharuan untuk memastikan kualiti yang terbaik dalam aspek pengurusan operasi Jaringan Industri dan Keusahawanan kampus. Dengan membudayakan Sinergibersama dan Sinergitrust dalam pengoperasian JI&K kampus, urus tadbir dapat dijalankan dengan lebih efisien.

Inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM bagi membudayakan pengoperasian kampus yang cekap adalah sangat relevan. Dari segi operasi penyampaian maklumat, pihak BPJI telah mewujudkan e-mel ICAN, *Google Form* dan QR kod ([UiTMCM_6.5a_Tumpuan Kepada Operasi](#)) bagi memudahkan dan melancarkan penyaluran maklumat yang diperlukan ke dalam sistem SMART. Selain itu, BPJI turut melancarkan Jelajah Maya PJI 2023 bagi membantu dan memudahcara perkara-perkara berkaitan JI&K. Maklumat penting boleh diperolehi dan BPJI turut menyediakan nombor yang boleh dihubungi secara terus bagi membantu pengoperasian ([UiTMCM_6.5b_Tumpuan Kepada Operasi](#)). E-mel dan templat pengumpulan data turut diwujudkan bagi memudahkan pengumpulan data dibuat dalam masa yang ditetapkan. Galakan terhadap jaringan MoU dan MoA juga dibudayakan bagi memastikan projek Jaringan Industri dan Keusahawanan dapat dijalankan dengan lancar.

Tahap pembudayaan yang terhasil dari pengoperasian yang cekap telah menjadikan UiTMCM sebagai institusi contoh. Dari segi jaringan industri dan kerjasama diantara Pengurusan Kanan UiTMCM dengan institusi dalam dan luar negara, pengoperasian UiTMCM telah dapat ditingkatkan melalui perkongsian ilmu pengetahuan dan kemahiran. Sebagai contoh, UiTMCM telah ditandaaras oleh Yayasan TM yang membawa kepada penganugerahan Geran Industri ([UiTMCM_6.5c_Tumpuan Kepada Operasi](#)).

SENARAI BUKTI :

1. [K0062_O01_OB05_20241_UiTMCM_6.5a_Tumpuan Kepada Operasi.pdf](#)
2. [K0062_O01_OB05_20242_UiTMCM_6.5b_Tumpuan Kepada Operasi edited.pdf](#)
3. [K0062_O01_OB05_20243_UiTMCM_6.5c_Tumpuan Kepada Operasi edited.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL DARIPADA SUMBER MANUSIA YANG EFEKTIF DAN EFISIEN

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia yang efisien dan berstrategik oleh Pengurusan Kanan UiTMCM telah berjaya **menggerakkan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K)** dengan sokongan daripada warga UiTMCM dari ketiga-tiga kampus **KAG, KBM dan KJM**.

Bagi pencapaian sumber manusia UiTMCM untuk bidang tumpuan JI&K, **kesemua hasil pencapaian PI sumber manusia JI&K UiTMCM 2023 telah berjaya mencapai sasaran malah ada yang melebihi sasaran** yang ditetapkan. Sebahagian dari pencapaian sumber manusia UiTMCM adalah **hasil geran bersama agensi nasional, industri dan antarabangsa serta hasil jumlah geran penyelidikan antarabangsa dan industri yang banyak memberi impak kepada UiTMCM**.

Bagi hasil pencapaian sumber manusia dari tahun ke tahun pula, didapati bahawa **terdapat tren yang positif dan melebihi sasaran yang ditetapkan**. Tren yang digunakan bagi penganalisaan **dari sumber manusia adalah tren geran bersama agensi nasional, industri dan antarabangsa, tren pencapaian penerbitan bersama industri, tren kelayakan professional staf dan tren bilangan staf akademik yang mempunyai pengalaman bekerja dalam industri**.

Perbandingan antara kampus, organisasi dalam dan luar negara turut dianalisa dalam menjadikan UiTMCM sebagai kampus yang terkenal di peringkat global. Antara perbandingan tersebut, UiTMCM turut diberikan pengiktirafan seperti **pencapaian tempat keempat di antara seluruh UiTM cawangan bagi Anugerah Transformasi Kecemerlangan *Globally Marketable* 2023 untuk kategori *Pillar 1* iaitu *World Class Faculty Members* bagi staf akademik UiTMCM, lawatan *benchmarking* dari Universitas Islam Negeri Sumatera Utara, Indonesia, penerimaan Geran Impak Sosial Yayasan Telekom Malaysia (YTM), Industri Good Virtue and Co dan Geran penyelidikan *Product Market Incubation and Commercialization* (ProMIC).**

Projek-projek yang diuruskan UiTMCM telah menyumbang dalam **pembangunan kampus, komuniti dan pembangunan UiTMCM secara keseluruhan** sekaligus melakar pencapaian hingga ke **peringkat nasional dan antarabangsa** seperti **kejayaan menandatangani (MoA) bersama Yayasan Telekom Malaysia dan (MoU) bersama Badan Pensijilan Keselamatan Siber Antarabangsa (ICSCB) dengan kerjasama Institut Keselamatan Siber (CSI)** dan mendapat pengiktirafan di peringkat UiTMCM bagi **Anugerah Projek Keusahawanan Sosial Terbaik dan Projek Jaringan Industri terbaik**. Berteraskan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam Memacu Kebolehpasaran Global: JI&K**, UiTMCM telah berjaya dalam menguruskan **hasil sumber manusia bagi JI&K UiTMCM** pada tahun 2023.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0062_HB02_20241_UiTMCM_7.1.2_HASIL PERANCANGAN STRATEGIK LEVEL.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0062_HB03_20242_UiTMCM_7.1.3_HASIL PERANCANGAN STRATEGIK](#)

[TREND.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0062_HB04_20243_UiTMCM_7.1.4_HASIL PERANCANGAN STRATEGIK_COMPARISON.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0062_HB05_20244_UiTMCM_7.1.5_HASIL PERANCANGAN STRATEGIK_IMPORTANCE.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL DARIPADA PERANCANGAN STRATEGIK YANG BERSISTEMATIK

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik (PS) UiTMCM yang bersistematik oleh Pengurusan Kanan dalam **menggerakkan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K)** kampus bersama warga UiTMCM dari ketiga-tiga kampus **KAG, KBM dan KJM** telah menobatkan UiTMCM sebagai universiti yang memegang PI berstatus **6-bintang** selama **3 tahun berturut-turut**. Tahun **2023** telah mencatatkan jumlah PI UiTMCM sebanyak **90.6%**.

Terdapat 2 Objektif Strategik (OS) telah difokuskan dalam menilai hasil sasaran dan pencapaian PS bagi bidang tumpuan iaitu iaitu **OS8** : Memperkasa jaringan strategik bersama industri manakala **OS4** : Menghasilkan graduan seimbang dan berciri keusahawanan yang mampu bersaing di peringkat global. Pencapaian OS yang ditetapkan ini adalah berdasarkan **13 inisiatif strategik (projek dalam dan luar negara)** dan **terbahagi kepada Program InFac bagi (OS8) dan juga Program Keusahawanan Bestari bagi (OS4)**

Bagi pencapaian PI UiTMCM untuk bidang tumpuan JI&K, kesemua **16 hasil pencapaian PI JI&K** UiTMCM 2023 telah berjaya **mencapai sasaran** malah ada yang **melebihi sasaran yang ditetapkan**. **Pengurusan risiko UiTMCM** turut diambil kira dalam menganalisa risiko yang terlibat dalam pencapaian PI dan juga tindakan penambahbaikan telah diambil bagi mencegah risiko tersebut.

Bagi hasil pencapaian PI JI&K dari tahun ke tahun pula, didapati bahawa terdapat **tren yang positif dan melebihi sasaran yang ditetapkan**. Tren yang melibatkan PI JI&K bagi penganalisaan **OS8** adalah Tren Pencapaian PI 19 (Number of alumni successfully became entrepreneurs), Tren Pencapaian PI 77 (Total amount received from external for USR and KTP programmes), Tren Pencapaian PI 78 (*Total amount spent (from own funds) for USR and KTP programmes*) dan Tren Pencapaian PI 80 (Number of alumni expert service programme). Bagi **OS4** pula, tren yang dianalisa adalah Tren Pencapaian PI 24 (Number of educators with entrepreneurial expertise) dan Tren Pencapaian PI 129 (Income generation from Kumpulan Wang Amanah).

Perbandingan pencapaian antara **kampus cawangan dan PTJ dalam UiTM** serta perbandingan dengan **organisasi luar negara** turut di analisa dalam menjadikan UiTMCM sebagai kampus yang berdaya saing di peringkat global. Hasil perbandingan ini dapat dilihat bahawa UiTMCM diberikan pengiktirafan dalam **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU 2023)** dan **Anugerah MeTic 13**. UiTMCM turut **ditanda aras oleh fakulti dan kampus cawangan lain** dan ini membuktikan hasil PS UiTMCM yang cemerlang.

Projek-projek inisiatif strategik yang diuruskan UiTMCM dalam Program InFac dan Program Keusahawanan Bestari seperti **Projek Keusahawanan Sosial: Kelab Sukarelawan Zakat (SUZA)** bersama Islamic Relief Malaysia (IRM) 2023, **Projek Startup Malaysia 2023**, **Projek South East Asia International Conference (SEAIPC) 2023**, **Projek Nenas MD2 bersama Hotel La Crista 2023** dan **Industry on Campus Symposium (PICASO) 2.0** telah menyumbang dalam **pembangunan UiTMCM, pembangunan komuniti, pembangunan UiTM secara keseluruhan** sekaligus melakar pencapaian hingga ke **peringkat nasional dan antarabangsa**. Berteraskan **Nilai Sinergibersama dan Sinergitrust dalam Memacu Kebolehpasaran Global: Jaringan Industri dan Keusahawanan**, UiTMCM telah berjaya dalam menguruskan Perancangan Strategik JI&K UiTMCM pada tahun 2023.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0062_HB02_20241_UITMCM_7.2.2_HASIL PELANGGAN LEVEL edited.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0062_HB03_20242_UITMCM_7.2.3_HASIL PELANGGAN TREND edited.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0062_HB04_20243_UITMCM_7.2.4_HASIL PELANGGAN COMPARISON.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0062_HB05_20244_UiTMCM_7.2.5_HASIL PELANGGAN IMPORTANCE .pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL KEPADA PELANGGAN YANG PRODUKTIF DAN EFISIEN

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Amalan nilai **Sinergibersama dan Sinergitrust dalam Memacu Kebolehpasaran Global: Ji&K** seperti yang telah disasarkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCM telah berjaya diterapkan di kalangan warga UiTMCM dengan keberhasilan pelbagai aktiviti di peringkat nasional dan antarabangsa yang melibatkan **para staf, para pelajar, industri, alumni dan juga komuniti**. Aktiviti-aktiviti yang telah diadakan melonjak nama UiTMCM di peringkat nasional dan juga secara global sepertimana yang telah direncanakan di dalam PS UiTMCM tahun 2023.

Pelbagai program yang melibatkan kolaborasi antara UiTMCM, alumni, komuniti serta industri telah dirancang dan telah menunjukkan keberhasilannya dengan pelbagai pencapaian dan anugerah yang berprestij. Antara pencapaian yang boleh dibanggakan ialah dengan pelantikan **sembilan orang pelajar UiTMCM iaitu 5 orang pelajar UiTCM KAG dan 4 orang pelajar UiTMCM KJM antara yang terpilih daripada 28 Duta Perpaduan Melaka (DPM)**. Mereka telah dilantik bagi membantu Kerajaan Negeri menguar-uarkan aspirasi perpaduan menerusi pelbagai aktiviti yang membabitkan masyarakat. Selain itu, penyertaan dalam pertandingan yang memerlukan pelajar mengaplikasikan **pengetahuan dan kemahiran keusahawanan dunia** anjuran Good Virtues Co. bersama UiTM telah membuahkan hasil apabila menerima anugerah sebagai **TOP 5 Finalis bagi Pertandingan Do Good Challenge** yang julung-julung kali diadakan.

Kepelbagaian program yang dijalankan yang bertemakan *Knowledge Transfer Program (KTP) & University Social Responsibility (USR)* yang dijalankan oleh UiTMCM di peringkat negeri, kebangsaan mahupun antarabangsa sudah tentunya memberikan manfaat secara holistik kepada seluruh masyarakat setempat mahupun warga dunia yang berada di dalam kesusahan ataupun memerlukan. Bantuan telah diberi dalam sumbangan kewangan atau dana, pemindahan ilmu dalam memastikan peningkatan kualiti pendidikan komuniti serta kerahan tenaga dalam memastikan komuniti sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan sejahtera seperti **Projek Ittihad Trading bersama Perunding UiTMCM, Geran Penyelidikan bersama Industri: Good Virtues Co. Malaysia, Projek Lendu Berselawat bersama Kerajaan Negeri Melaka 2023, Projek Inkubator KelulutPreneur UiTMCM, dan Projek Keusahawanan Sosial bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna: Jom Bantu Asnaf 3.0.** dan banyak lagi.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0062_HB02_20241_UiTMCM_7.3.2_HASIL SUMBER MANUSIA_LEVEL.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0062_HB03_20242_UiTMCM_7.3.3_HASIL SUMBER MANUSIA_TREND.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0062_HB04_20243_UiTMCM_7.3.4_HASIL SUMBER MANUSIA_COMPARISON.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0062_HB05_20244_UiTMCM_7.3.5_HASIL SUMBER MANUSA
IMPORTANCE_edited.pdf](#)